A

Pendakwa Raya lwn Satvender Singh a/l Pirthpal Singh

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO BA-458–4&5–02 TAHUN 2017
MOHD YAZID H
8 NOVEMBER 2021

C *Undang-Undang Jenayah — Pembunuhan — Keterangan ikut keadaan — Tertuduh dituduh melakukan pembunuhan ke atas isteri dan anaknya — Sama ada perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada rumah tertuduh dipecah masuk — Sama ada si mati sebenarnya dibunuh dalam kejadian rompakan — Sama ada kecederaan yang dialami oleh tertuduh adalah disebabkan oleh permainan yang dibaling oleh anak tertuduh sebelum kejadian — Sama ada kelakuan tertuduh yang melarikan diri menunjukkan kebersalahan tertuduh — Sama ada pembelaan alibi dibuktikan – Sama ada keterangan ikut keadaan secara keseluruhannya menjurus kepada satu kesimpulan sahaja iaitu kebersalahan tertuduh tanpa keraguan yang munasabah — Akta Keterangan 1950 s 9 — Kanun Keseksaan s 302 — Kanun Tatacara Jenayah s 180(1)*

D

E

Tertuduh ('OKT') telah dituduh melakukan pembunuhan ke atas isterinya ('Kamaljit') dan anak perempuannya ('Ishylyn') di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Kes pihak pendakwaan adalah bersandarkan kepada keterangan-keterangan ikut keadaan antaranya: (a) keterangan bapa OKT ('SP15') yang menemui Kamaljit dan Ishylyn yang telah meninggal dunia di bilik kedua rumah OKT; (b) keterangan jiran-jiran OKT iaitu SP9 dan SP10 yang menyatakan bahawa mereka melihat OKT dan keretanya berada di rumah OKT ketika waktu kejadian iaitu antara jam 3.55 pagi hingga 4.15 pagi hari kejadian dan OKT telah berlari masuk semula ke dalam rumah apabila melihat SP10; (c) keterangan yang menunjukkan bahawa kunci-kunci yang ditemui ditempat kejadian tidak boleh digunakan untuk membuka mangga yang ditemui dalam keadaan terpotong ('P14A') yang sekaligus menafikan dakwaan OKT bahawa terdapat kejadian pecah masuk rumah OKT; (d) keterangan pegawai tangkapan ('SP5') dan pegawai penyiasat ('SP12') yang menyatakan bahawa OKT berkelakuan tenang dan tiada rasa kesedihan ketika tiba di tempat kejadian; (e) keterangan ibu kepada Kamaljit ('SP4') yang menyatakan bahawa OKT dan Kamaljit sering bertengkar dan seminggu sebelum kematian Kamaljit, Kamaljit telah menukar panama manfaat bagi insurans dan KWSP daripada nama SP4 kepada nama OKT; (f) keterangan pegawai siasatan gantian ('SP16') yang menyatakan bahawa berdasarkan siasatannya, tidak wujud Restoran Ali di alamat No 33, Jln Indah 1/1, Taman Industri Indah, Rawang ('alamat tersebut') — keterangan ini adalah berkenaan

F

G

H

I

dengan notis alibi OKT yang menyatakan bahawa semasa kejadian, dia sedang bersarapan di restoran tersebut; (g) keterangan pakar patologi ('SP7') bahawa punca kematian Kamaljit adalah 'asphyxia due to manual strangulation' dan punca kematian Ishylyn adalah 'asphyxia due to airways obstruction'; (h) keterangan SP8 yang menyatakan bahawa permainan 'lady bird' yang berbentuk licin yang dikatakan telah dibaling oleh Ishylyn ke muka OKT tidak boleh menyebabkan kecedaran yang dialami oleh OKT; (i) keterangan yang menunjukkan kewujudan profil DNA OKT pada kuku Kamaljit; dan (j) keterangan pengurus kenderaan ('SP11') tempat OKT bekerja yang menyatakan bahawa OKT tidak pernah datang kerja sebelum jam 8 pagi. Dalam pembelaan, OKT menyatakan bahawa Kamaljit dan Ishylyn telah dibunuh dalam kejadian rompakan yang berlaku selepas OKT keluar rumah untuk pergi ke tempat kerjanya pada jam 3.55 pagi dan semasa kejadian tersebut, OKT sedang bersarapan di Restoran Ali. Kewujudan restoran tersebut disokong oleh keterangan bapa saudara OKT ('SD3') yang bekerja di tempat kerja yang sama dengan OKT. OKT menyatakan bahawa hubungannya dengan Kamaljit adalah baik dan keterangannya disokong oleh kakak OKT ('SD2') yang bekerja ditempat yang sama dengan Kamaljit. Selain itu, OKT menegaskan bahawa kelakuannya yang berlari masuk ke dalam rumah apabila melihat SP10 adalah kerana dia tidak boleh tahan dengan bau rokok memandangkan ketika itu SP10 sedang menghisap rokok. Isu utama yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah sama ada keterangan-keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan secara keseluruhannya menjurus kepada satu kesimpulan sahaja iaitu kebersalahan OKT tanpa keraguan yang munasabah.

Diputuskan:

(1) Adalah menjadi prinsip umum bahawa di dalam sesuatu pendakwaan kes jenayah, beban pembuktian terletak pada pihak pendakwaan sepanjang masa. Pada peringkat kes pendakwaan, tahap pembuktian ialah pada peringkat prima facie sebagai mana yang termaktub di dalam s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah mempunyai tugas untuk melihat dan menimbang segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sepanjang perbicaraan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan terdapatnya kes prima facie terhadap OKT sebagaimana pertuduhan. Dalam kes ini, elemen pertama pertuduhan iaitu Kamaljit dan Ishylyn telah meninggal dunia dan elemen kedua pertuduhan iaitu kematian Kamaljit dan Ishylyn adalah disebabkan kecederaan yang dialami tidak dipertikaikan. Tertuduh dalam kes ini mempertikaikan elemen ketiga pertuduhan iaitu perbuatannyalah yang telah menyebabkan kematian tersebut (lihat perenggan 16–18).

(2) Setelah mengambil kira keseluruhan keterangan ikut keadaan, keadaan rumah OKT yang tidak boleh dipecahmasuk melalui pemotongan

mangga dari dalam, gugusan anak kunci yang tidak berpadanan dengan mangga P14A, kesan kecederaan pada muka OKT dan Kamaljit serta Ishylyn, hubungan tidak mesra dan penukaran nama penerima manfaat insurans dan KWSP seminggu sebelum kejadian kepada OKT, kelakuan OKT semasa bertemu dengan jirannya, kelakuan OKT yang kelihatan tenang dan tiada reaksi kesedihan semasa menemui SP5 dan SP12 dan kewujudan profil DNA OKT pada kuku Kamaljit, secara keseluruhannya, keterangan-keterangan ikut keadaan ini menjurus kepada satu kesimpulan sahaja, iaitu kebersalahan OKT tanpa keraguan yang munasabah bahawa OKT adalah individu yang telah membunuh Kamaljit dan Ishylyn sebagaimana pertuduhan (lihat perenggan 69).

(3) Di akhir kes pembelaan, mahkamah hendaklah memutuskan sama ada pembelaan OKT telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Undang-undang tidak meletakkan beban kepada OKT untuk membuktikan dia tidak bersalah. Walaupun seseorang hakim itu tidak menerima atau mempercayai versi seorang OKT, OKT tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas sebab yang cukup bahawa versi OKT tersebut tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pendakwaan. Mahkamah seterusnya perlu menimbang kesemua keterangan dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah (lihat perenggan 98).

(4) 4. Mahkamah menolak keterangan OKT bahawa mangga P14A adalah mangga yang OKT gunakan untuk mengunci pintu grill belakang rumah OKT pada malam kejadian kerana tiada satu pun daripada 11 anak kunci yang didapati berada di lubang grill yang berpadanan dengan mangga tersebut. Seterusnya, tiada profil DNA OKT mahupun si mati pada P14A. Berkenaan dengan luka di muka OKT, berasaskan bentuk permainan 'lady bird' yang licin dan tidak mempunyai sesungut, dapatan SP8 bahawa permainan tersebut tidak boleh menyebabkan luka lelasan dan memberi bentuk empat segi sebagaimana kecederaan dialami oleh OKT, dan Ishylyn yang masih bayi berumur tujuh bulan, mahkamah menolak pembelaan OKT yang menyatakan bahawa kecederaan yang dialaminya disebabkan oleh terkena permainan tersebut yang dibaling oleh Ishylyn dari jarak dekat (lihat perenggan 101 & 105).

(5) Di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati bahawa kelakuan OKT yang terus melarikan diri masuk ke dalam rumah adalah fakta relevan yang menunjukkan bahawa OKT telah melakukan suatu kesalahan jenayah. Berasaskan s 9 Akta Keterangan 1950, OKT perlu mematahkan fakta relevan tersebut untuk membuktikan ketidakbersalahannya sebagaimana pertuduhan. Mahkamah mendapati penjelasan OKT bahawa dia terus melarikan diri masuk ke dalam rumah kerana dia tidak suka dan tidak boleh tahan dengan bau rokok, adalah satu alasan yang

tidak kredibel dan gagal untuk mematahkan fakta relevan kelakuannya yang menunjukkan dia telah melakukan suatu kesalahan jenayah (lihat perenggan 106).

(6) Mahkamah menolak pembelaan alibi OKT kerana di akhir kes pendakwaan, mahkamah telah membuat dapatan fakta dan berpuas hati bahawa OKT keluar rumah untuk pergi ke tempat kerja selepas jam 4.30 pagi. Selain itu, siasatan SP16 jelas menunjukkan bahawa Restoran Ali tidak wujud sama sekali. Tertuduh juga gagal menamakan saksi-saksi dengan memberi butiran jelas di dalam notis alibinya bagi membolehkan SP16 membuat siasatan pembelaan OKT. Keterangan SP11 jelas mununjukkan bahawa sepanjang dua hingga tiga tahun bekerja, OKT tidak pernah datang kerja sebelum jam 8 pagi. Oleh itu, mahkamah menolak keterangan OKT bahawa dia tidak berada di rumah ketika Kamaljit dan Ishylyn menemui ajal mereka. Tertuduh telah gagal menunjukkan kebarangkalian besar dia berada di Restoran Ali ketika Kamaljit dan Ishylyn dibunuh. Kandungan notis alibi OKT hanyalah lencongan kosong yang tidak berasas dan tidak berupaya membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat perenggan 111 & 113).

(7) Mahkamah mendapati pembelaan OKT adalah bersifat penafian semata-mata dimana pembelaan ini telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah. Mahkamah juga berpuas hati bahawa di akhir perbicaraan, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesalahan OKT sebagaimana pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah (lihat perenggan 114).

[English summary

The accused ('OKT') was charged of murdering his wife ('Kamaljit') and daughter ('Ishylyn') under s 302 of the Penal Code. The prosecution's case was based on the circumstantial evidence including: (a) the testimony of OKT's father ('SP15') who found Kamaljit and Ishylyn who had died in the second room of OKT's house; (b) the testimony of OKT's neighbors namely SP9 and SP10 who stated that they saw OKT and his car at OKT's house at the time of the incident which was between 3.55am and 4.15am on the day of the incident and that OKT ran back into the house when he saw SP10; (c) evidence showing that the keys found at the scene could not be used to open the broken padlock ('P14A') which at the same time denied OKT's claim that there was a break-in at OKT's house; (d) the testimony of the arresting officer ('SP5') and the investigating officer ('SP12') stating that OKT behaved calmly and did not feel sad when he arrived at the scene; (e) the testimony of Kamaljit's mother ('SP4') who stated that OKT and Kamaljit often argued and a week before Kamaljit's death, Kamaljit had changed the name of the beneficiary for the insurance and EPF from SP4's name to OKT's name; (f) the testimony of the substitute investigation officer ('SP16') who stated that based on his

investigation, there was no Restoran Ali at the address of No 33, Jln Indah 1/1, Taman Industri Indah, Rawang ('the said address') — this testimony was in relation to OKT's alibi notice stating that at the time of the incident, he was having breakfast at the restaurant; (g) the testimony of the pathologist ('SP7') that Kamaljit's cause of death was 'asphyxia due to manual strangulation' and Ishylyn's cause of death was 'asphyxia due to airways obstruction'; (h) SP8's testimony stating that the 'lady bird' toy with a smooth shape which was allegedly thrown by Ishylyn at OKT's face could not have caused the injury suffered by OKT; (i) evidence showing the existence of OKT's DNA profile on Kamaljit's nails; and (j) the testimony of OKT'S vehicle manager ('SP11') stating that OKT had never come to work before 8am. In defence, OKT stated that Kamaljit and Ishylyn were killed in a robbery incident that occurred after OKT left his house to go to his workplace at 3.55am and at the time of the incident, OKT was having breakfast at Restoran Ali. The existence of the restaurant was supported by the testimony of OKT's uncle ('SD3') who worked at the same workplace as OKT. OKT stated that his relationship with Kamaljit was good, and his testimony was supported by OKT's sister ('SD2') who worked at the same place as Kamaljit. In addition, OKT asserted that his behavior of running into the house when he saw SP10 was because he could not stand the smell of cigarettes since SP10 was smoking a cigarette at the time. The main issue to be determined by the court was whether the circumstantial evidence presented by the prosecution as a whole led to one conclusion only, which was the guilt of the OKT beyond reasonable doubt.

Held:

(1) It is a general principle that in a criminal case prosecution, the burden of proof always lies with the prosecution. At the level of the prosecution case, the standard of proof is at the prima facie level as stated in s 180(1) of the Criminal Procedure Code. At the end of the prosecution case, the court has the duty to see and weigh all the evidence presented by the prosecution throughout the trial whether the prosecution has succeeded in proving that there is a prima facie case against OKT as charged. In the present case, the first element of the charge that Kamaljit and Ishylyn had died and the second element of the charge that the death of Kamaljit and Ishylyn was due to the injuries sustained were not disputed. The OKT in this case disputed the third element of the charge, which was that his actions caused the death (see paras 16–18).

(2) Upon considering all the circumstantial evidence, the condition of OKT's house which could not be broken into by cutting the padlock from the inside, the set of keys that did not match with the P14A padlock, the injuries on OKT's face and injuries suffered by Kamaljit and Ishylyn, the bad relationship and the change of the name of the beneficiary for insurance benefits and EPF a week before the incident to OKT, OKT's conduct when meeting his neighbor, OKT's seemingly

calm behavior and no sad reaction when meeting SP5 and SP12 and the existence of OKT's DNA profile on Kamaljit's nails, overall, the circumstantial evidence pointed to one conclusion only, namely the guilt of the OKT beyond reasonable doubt that the OKT was the individual who killed Kamaljit and Ishylyn as per the charge (see para 69).

(3) At the end of the defence case, the court must decide whether OKT's defence had raised reasonable doubts against the prosecution's case. The law does not place the burden on OKT to prove his innocence. Even if a judge does not accept or believe the version of an OKT, the OKT cannot be convicted until the court is satisfied on sufficient grounds that the OKT's version does not raise any reasonable doubt as to the veracity of the prosecution's case. The court then must weigh all the evidence and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt (see para 98).

(4) The court rejected OKT's testimony that the P14A padlock was the one that OKT used to lock the grill door behind OKT's house on the night of the incident because none of the 11 keys found in the grill hole matched the padlock. Next, there was no DNA profile of OKT nor the deceased on P14A. Regarding the wound on OKT's face, based on the smooth shape of the 'lady bird' toy and there was no antennae, SP8's finding that the toy could not cause abrasion wounds and give a square-shaped injuries suffered by OKT, and Ishylyn who was still a seven-month-old baby, the court rejected OKT's defence stating that the injuries he suffered were caused by being hit by the said toy which was thrown by Ishylyn at a close range (see paras 101 & 105).

(5) At the end of the prosecution case, the court found that the conduct of OKT who ran away into the house was a relevant fact that showed that OKT had committed a criminal offence. Based on s 9 of the Evidence Act 1950, OKT had to rebut the relevant facts to prove his innocence as charged. The court found that OKT's explanation that he ran into the house because he did not like and could not stand the smell of cigarettes, was an uncredible excuse and failed to rebut the relevant facts of his conduct that showed he had committed a criminal offence (see para 106).

(6) The court rejected OKT's alibi defence because at the end of the prosecution case, the court had made a finding of fact and was satisfied that OKT had left his house to go to work after 4.30am. In addition, SP16's investigation clearly showed that Restoran Ali did not exist at all. The OKT also failed to name the witnesses by giving clear details in his alibi notice to enable SP16 to investigate OKT's defence. SP11's evidence clearly showed that during the two to three years of working, OKT never came to work before 8am. Therefore, the court rejected OKT's testimony that he was not at home when Kamaljit and Ishylyn were murdered. The accused had failed to show a substantial probability that he was at

Restoran Ali when Kamaljit and Ishylyn were killed. The contents of OKT's alibi notice were merely bare diversions which were baseless and incapable of raising reasonable doubt on the prosecution's case (see paras 111 & 113).

(7) The court found that OKT's defence was a mere denial where this defence had failed to raise reasonable doubt. The court was also satisfied that at the end of the trial, the prosecution had succeeded in proving the guilt of the OKT as charged beyond reasonable doubt (see para 114).]

Kes-kes yang dirujuk

Amethevelli a/p P Ramasamy v PP [2009] 2 MLJ 367, MP (dirujuk)
Arulpragasan a/l Sandaraju v PP [1997] 1 MLJ 1; [1996] 4 CLJ 597, MP (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Chang Kim Siong v PP [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18, MP (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Duis Akim & Ors v PP [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692, MP (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 273; [1981] 1 LNS 129 (dirujuk)
Kamis v PP [1975] 1 MLJ 46, MP (dirujuk)
Karam Singh v PP [1968] 1 MLJ 56; [1967] 1 LNS 65, MP (dirujuk)
Kuldip Sharma v The State [1996] Cri LJ 244 (dirujuk)
Lim Hean Chong @ Teo Hean Chong v PP [2012] 1 MLJ 149; [2012] 2 CLJ 1046, MR (dirujuk)
Mah Kok Cheong v R [1953] 1 MLJ 46 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ rep 311, MA (dirujuk)
Mohd Saifulrizan bin Sainan v PP [2021] 1 MLJ 214; [2020] 1 LNS 1938, MR (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705, MT (dirujuk)
PP v Datuk Tan Cheng Swee & Anor [1980] 2 MLJ 276; [1980] 1 LNS 58, MP (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
Sunny Ang v PP [1966] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Tatacara Jenayah ss 180(1), 402A
Akta Keterangan 1950 ss 8, 9
Kanun Keseksaan s 300, 300(a), (b), (c), (d)

Amer Hamdzah (Asnawi dan Mahadir bin Mohd Khairuddin bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak pendakwaan.
Rajpal (Yogasheelan, Raja Nur Hanani, Tiew Poh Nee dan Sunita bersamanya) (Rajpal, Firah dan Vishnu) bagi pihak tertuduh.

RSN Rayer (RSN Rayer) bagi pihak peguam pemerhati.

Mohd Yazid H:

[1] Satvender Singh a/l Pirthpal Singh ('OKT') dituduh atas kesalahan membunuh isterinya, Kamaljit a/p Dorairaja ('Kamaljit') dan anak perempuan mereka, Isyhlyn Kaur a/p Satvender Singh ('Isyhlyn').

[2] Kedua-dua pertuduhan ke atas OKT adalah dibaca seperti berikut:

> Pertuduhan pertama:
>
> Bahawa kamu pada 14hb April 2016 jam di antara 3.55 pagi hingga 4.15 pagi bertempat di rumah No 31, Jalan RP 10/9, Taman Rawang Perdana 2, Rawang, Di dalam Daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan pembunuhan ke atas Kamaljit a/p Dorairaja (KP: 820906–10–5540) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 302 Kanun Keseksaan
>
> Pertuduhan kedua:
>
> Bahawa kamu pada 14hb April 2016 jam di antara 3.55 pagi hingga 4.15 pagi bertempat di rumah No 31, Jalan RP 10/9, Taman Rawang Perdana 2, Rawang, Di dalam Daerah Gombak, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan pembunuhan ke atas Isyhlyn Kaur a/p Satvender Singh (KP: 150827–10–0792) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 302 Kanun Keseksaan

FAKTA KES

[3] Pada 14 April 2016 jam lebih kurang 8.10 pagi, semasa Prithpal Singh a/l Manga Singh ('bapa OKT — SP15') berada di rumahnya di No 26, Jalan Desa 13/9 Bandar Country Homes Rawang, beliau telah menerima panggilan telefon daripada keluarganya yang berada di Sikh Temple Gurdawara di Sentul, memaklumkan bahawa menantunya, Kamaljit tidak hadir ke Sikh Temple Gurdawara dan juga tidak dapat dihubungi. SP15 terus pergi ke rumah anaknya, iaitu OKT di Taman Rawang Perdana 2. SP15 menyatakan beliau mengambil masa 20 minit untuk sampai ke rumah OKT (tempat kejadian).

[4] Pada jam lebih kurang 10.30 pagi, jiran kepada OKT, iaitu Kalaivani a/p Krishnan ('SP8') semasa menyidai kain di belakang rumahnya, telah nampak SP15 berada di belakang rumah tempat kejadian. SP7 dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:

> ... Pada masa tersebut saya tengah menyidai kain di rumah saya. Bapa mertua kepada Neha telah memanggil Neha dari hadapan rumah. Beliau telah pun menelefon Neha tetapi tak ada sesiapa jawab. Selepas itu, bapa mertua melalui belakang rumah. Setelah saya melihat bapa mertua Neha, saya telah bertanya kepada bapa mertua Neha, kenapa lalu belakang rumah Neha. Semasa saya

menyidai kain, saya melihat pintu, seperti pintu gril di belakang, saya nampak pintu tersebut boleh buka di atas dan di bawah. Semasa saya lihat, kunci di atas telah dibuka. Saya nampak pintu atas terbuka. Setelah bapa mertua Neha sampai di belakang, dia telah buka pintu di belakang, pintu pun terbuka di hadapan saya. Setelah membuka pintu, bapa mertua telah memanggil saya masuk ke dalam rumah. Pada mulanya, saya tak ingin ikut masuk ke dalam rumah. Tetapi, beliau telah memaksa saya masuk ke dalam rumah. Setelah dia paksa saya masuk, saya pun masuk. Setelah saya masuk, saya nampak mangga ada di pintu. Saya nampak macam mangga dipotong ...

[5] SP15 telah meminta SP8 menemani beliau masuk ke dalam rumah OKT. SP8 kemudiannya mengikut SP15 masuk ke dalam rumah OKT. Apabila mereka ke dalam rumah OKT, mereka kemudiannya terus naik ke tingkat atas. Di tingkat atas, di bilik nombor dua, SP8 nampak Kamaljit berada di atas lantai, manakala Isyhlyn berada di atas katil. Kedua-duanya mereka didapati telah meninggal dunia.

[6] SP7 balik ke rumahnya dan memaklumkan perkara yang berlaku kepada suaminya, Arunakiri a/l Asaithamby ('SP9'). SP9 bersama isterinya kembali semula ke rumah OKT dan mereka naik ke tingkat atas. Di tingkat atas, SP9 dan SP8 mendapati SP15 masih lagi berada di bilik nombor dua bersama-sama dengan Isyhlyn. SP9 kemudiannya balik semula ke rumahnya dan melaporkan kejadian ini kepada anggota yang bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis Rawang.

[7] SP15 menyatakan apabila beliau dan SP8 berada di tingkat atas, beliau mendapati menantunya Kamaljit dan cucunya Isyhlyn telah meninggal dunia. Beliau kemudiannya telah menghubungi ahli keluarga dan beberapa saudara maranya memberitahu tentang kejadian yang menimpa menantu dan cucunya. Beliau juga telah menghubungi OKT dan meminta OKT segera kembali ke rumahnya.

[8] Koperal Radziman bin Abdul Taib ('SP2') menyatakan pada jam 10.30 pagi, beliau ada menerima panggilan telefon daripada lelaki India bernama Arunakiri (SP9) memberitahu satu perempuan Singh dan seorang bayi tidak sedarkan diri di rumah tempat kejadian. SP2 telah membuat laporan polis sebagaimana Rawang Report 005033/16 (eksh P6).

[9] Pada 14 April 2016 jam lebih kurang 10.45 pagi, ASP Tan Hooi Heng (SP12), iaitu pegawai penyiasat telah menerima laporan berkait Rawang Report 005033/16. Pada jam 11 pagi, SP12 bersama anggotanya telah pergi ke tempat kejadian dan sampai di tempat kejadian pada jam 11.25 pagi. Di tempat kejadian, SP12 telah menemui dua mayat di tingkat atas. SP12 telah membuat pemeriksaan keseluruhan rumah tempat kejadian. Selepas empat

jam berada di rumah tersebut, lebih kurang jam tiga petang, OKT sampai di rumahnya. Melihat kecederaan yang dialami di bahagian muka OKT, SP12 mengarahkan anggotanya menghantar OKT ke Hospital Selayang untuk pemeriksaan doktor. OKT telah diperiksa oleh Dr Shahrul Izan. Sekembalinya OKT ke rumahnya, SP12 telah mengarahkan Insp Shahfeezal Al Azzaad bin Rahmatullah (SP7) menahan OKT.

[10] Bertindak atas laporan polis P6, Insp Shahfezal Al Azaad bin Rahmatullah ('SP5') bersama pasukan dari Jabatan Siasatan Jenayah IPD Gombak telah pergi ke tempat kejadian pada jam 12 tengah hari. Apabila sampai di tempat kejadian, SP5 mendapati SP12 dan pasukannya telah pun berada di tempat kejadian. SP5 nampak orang ramai berkumpul di hadapan rumah OKT dan beberapa orang lelaki berada di hadapan pintu utama rumah OKT, termasuk SP15. Di tempat kejadian, atas arahan SP12 SP7 telah membuat tangkapan ke atas OKT. Sebelum OKT dibawa balik ke IPD Gombak, SP5 telah mengarahkan OKT menunjukkan tempat beliau bekerja dan SP5 mendapati ianya mengambil masa lebih kurang 20 minit dari rumah OKT ke tempat kerjanya.

[11] Pasukan forensik yang diketuai oleh Inspektor Nor Harman bin Ab Hamid ('SP13)' telah sampai di rumah tempat kejadian pada jam lebih kurang 1.20 tengah hari dan telah melakukan kerja-kerja forensik.

[12] Atas arahan SP12, pada jam lebih kurang 3.30 petang, kedua-dua mayat yang ditemui di tempat kejadian telah dihantar ke Hospital Sungai Buloh.

[13] Pada 15 April 2016 jam 11.30 pagi, Dr Shahidan bin Md Noor, (Pakar Patologi — SP7) telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati kanak-kanak Isyhlyn dan bedah siasat ke atas mayat si mati ibunya Kamaljit pada jam 3.10 petang. SP7 mendapati punca kematian Kamaljit ialah, 'asphyxia due to manual strangulation' dan punca kematian Isyhlyn Kaur ialah, 'asphyxia due airways obstruction'.

[14] Pada 16 April 2016 jam lebih kurang 1.40 tengah hari, Dr Razuin bt Rahimi ('SP6') telah memeriksa OKT di Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Buloh.

[15] Antara spesimen yang dihantar oleh pegawai penyiasat ke Jabatan Kimia adalah spesimen kuku kedua-dua si mati dan mangga yang dipotong (eksh P14A). Ahli Kimia DNA Forensik Puan Nor Aidora bt Saedon ('SP14') telah menjalankan analisa dan menyediakan laporan sebagaimana eksh P35.

A BEBAN PEMBUKTIAN

[16] Adalah menjadi prinsip umum bahawa di dalam sesuatu pendakwaan kes jenayah, beban pembuktian terletak di bahu pihak pendakwaan sepanjang masa. Pada peringkat kes pendakwaan, tahap pembuktian yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah pada peringkat prima facie sebagai mana yang termaktub dalam s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Di akhir kes pihak pendakwaan, mahkamah mempunyai tugas untuk melihat dan menimbang segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sepanjang pembicaraan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan terdapatnya suatu kes prima facie terhadap OKT sebagaimana pertuduhan (rujuk kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85).

ELEMEN PERTUDUHAN

[17] Elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) Kamaljit a/p Dorairaja dan Isyhlyn Kaur a/p Satvender Singh telah meninggal dunia;

(b) kematian Kamaljit a/p Dorairaja dan Isyhlyn Kaur a/p Satvender Singh adalah disebabkan kecederaan yang dialami; dan

(c) perbuatan OKT yang menyebabkan kematian ke atas Kamaljit a/p Dorairaja dan Isyhlyn Kaur a/p Satvender Singh dilakukan di bawah mana-mana cabang (a), (b), (c) atau (d) s 300 Kanun Keseksaan.

[18] Berdasarkan hujahan bertulis dan hujahan lisan peguam OKT, saya mendapati pihak pembelaan tidak mempertikaikan bahawa elemen pertama dan kedua telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

ELEMEN KETIGA

[19] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, mahkamah mendapati kes pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*) kerana tidak adanya saksi yang melihat pembunuhan tersebut.

[20] Prinsip undang-undang adalah mantap sekiranya pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan, ujian yang betul adalah hakim harus berpuas hati bahawa keterangan ikut keadaan hendaklah dilihat secara keseluruhannya, ianya hanya menjurus kepada satu kesimpulan sahaja iaitu kebersalahan OKT tanpa keraguan yang munasabah (rujuk kes *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195; *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public*

Prosecutor [1983] 2 MLJ 232; *Amethevelli a/p P Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367; *Kamis v Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 46; *Chang Kim Siong v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18, dan kes *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 273; [1981] 1 LNS 129).

[21] Dalam kes *Chang Kim Siong v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18 mahkamah memutuskan:

> the onus on prosecution where the evidence is of a circumstances nature is a very heavy one and the evidence must point irresistably to the conclusion of the guilt of the accused. If there are gaps in it, then it is not sufficient.

[22] Dalam kes *Karam Singh v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 56; [1967] 1 LNS 65, perayu telah merayu ke atas sabitan atas kesalahan membunuh. Tiada ada saksi mata yang melihat bagaimana si mati diserang, kes pihak pendakwaan bergantung sepenuhnya kepada keterangan ikut keadaan. Hakim Ong Hock Thye, hakim Mahkamah Persekutuan, dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> In a case where the prosecution relies on circumstantial evidence, such evidence must be inconsistent with any other hypothesis than that of the guilt of the accused.

[23] Pihak pembelaan menghujahkan berasaskan keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, dihujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT. Sebaliknya, timbalan pendakwa raya menghujahkan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pihak pendakwaan.

[24] Berbalik kepada kes ini, ianya adalah wajar untuk diteliti keterangan-keterangan ikut keadaan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[25] Elangkovan a/l Asaithamby ('SP10') adalah merupakan jiran OKT dan Kamaljit. Beliau tinggal bersama keluarganya di rumah No 33, rumah bersebelahan dengan rumah OKT, iaitu No 31. Pada malam kejadian, SP10 menyatakan beliau ada menonton perlawanan bolasepak melibatkan pasukan kegemarannya Mancester United dalam perlawanan bola sepak 'Champion League' yang bermula pada jam 2.45 pagi dan tamat jam 4.30 pagi di ruang tamu rumahnya. Semasa 15 minit waktu rehat perlawanan, lebih kurang pada jam 3.30 pagi, SP10 keluar ke halaman rumahnya untuk merokok dan pada masa itu SP10 ternampak OKT berada di luar rumahnya. Sebaik sahaja OKT nampak SP10, OKT terus masuk ke dalam rumahnya tanpa sempat SP10 menegur OKT. SP10 dalam keterangannya menyatakan sebagaimana berikut (rujuk nota keterangan ms 220):

A Soalan: Encik nampak dia buat apa?

Jurubahasa: Masa itu, boleh saya terangkan dalam Bahasa Tamil?

Mahkamah: Dibenarkan

Jawapan: Setelah dia melihat saya, dia terus masuk ke dalam rumah. Dia lari masuk
B rumah.

Soalan: Encik sempat cakap apa-apa?

Jawapan: Tak sempat sebab dia terus lari dalam rumah, saya pun tidak boleh cakap apa-apa.

C SP10 menyatakan semasa beliau keluar menghisap rokok di halaman rumahnya, beliau nampak kereta Honda milik Kamaljit diletakkan di dalam kawasan rumahnya, tetapi beliau tidak perasan sama ada kereta Wira milik OKT berada di hadapan rumah OKT.

D SP10 menyatakan pada jam lebih kurang 4.10 pagi, abangnya Arunakiri a/l Asaitambhi (SP9) baru sampai dari Pulau Pinang dan turut sama menonton perlawanan bola sepak tersebut, namun tidak lama selepas itu abangnya terus lena di sofa di ruang tamu tempat beliau menonton televisyen.

SP10 juga menyatakan dari tempat beliau menonton televisyen di atas sofa
E ruang tamu rumahnya, beliau boleh nampak keadaan pintu depan rumah jirannya (OKT). SP10 seterusnya menyatakan sepanjang tempoh beliau menonton perlawanan bola sepak sehingga tamat perlawanan, beliau tidak nampak OKT keluar dari rumahnya, beliau juga tidak mendengar sebarang kesan kopek atau pecah rumah OKT.

F

[26] SP7 dalam keterangannya menyatakan pada 13 April 2016 beliau telah pergi ke Pulau Pinang bersama rakannya untuk melawat kawannya yang meninggal dunia. Pada 14 April 2016 jam 4.30 pagi, SP9 sampai semula dirumahnya. Semasa meletakkan keretanya di luar rumahnya, SP9 nampak
G kereta Honda City No WB 5366 R milik Kamaljit Kaur berada di dalam kawasan rumah, manakala kereta Wira no BGJ 9366 milik OKT berada di luar pagar rumahnya. SP9 turut menonton 'TV Football EPL' bersama adiknya SP10 dan tidak lama selepas itu SP9 terus terlena di atas sofa di ruang tamu. Pada keesokkan harinya, pada jam lebih kurang 10.30 pagi, SP9 telah
H dikejutkan oleh isterinya Kalaivani a/p Krisnan (SP8) yang memberitahu rumah No 31 telah disamun. SP9 kemudiannya telah pergi ke rumah No 31 mengikut pintu belakang rumahnya. SP9 mendapati pintu belakang dan gril rumah No 31 sudah terbuka. SP9 terus masuk ke dalam rumah tersebut bersama isterinya dan nampak satu kunci pintu mangga (P14A) berada di atas
I lantai. SP9 telah naik ke tingkat atas dan semasa sampai di tingkat atas, SP9 melihat Pritpal Singh a/l Manga Singh (SP15 — bapa OKT) sedang menangis sambil mendukung cucunya, Isyhlyn Kaur. Isteri OKT, Kamaljit Kaur didapati terbaring di tepi katil sambil kaki kirinya bengkok menghala ke katil di mana alat-alat solek semuanya jatuh ke bawah. SP9 mendapati Kamaljit Kaur dan

Isyhlyn Kaur pada masa itu sudah meninggal dunia. SP9 kemudiannya balik ke rumahnya dan menelefon Balai Polis Rawang. SP9 menyatakan hubungan beliau dengan OKT adalah tidak begitu baik di mana mereka pernah bertengkar mengenai tempat meletakkan kenderaan di kawasan luar rumah. SP9 menganggapkan OKT sebagai seorang jiran yang bermasalah.

[27] SP7 merupakan isteri kepada SP9. SP8 dalam keterangannya menyatakan pada 14 April 2016, jam lebih kurang 10.30 pagi semasa SP8 sedang menyidai kain di belakang rumahnya, SP8 nampak SP15 berada di bahagian belakang rumah No 31. SP7 diberitahu oleh SP15 bahawa beliau telah memanggil menantunya di bahagian luar rumah tetapi tidak ada jawapan dan sebab itu beliau datang ke bahagian belakang rumah No 31. Daripada kedudukannya, SP8 nampak pintu atas gril belakang terbuka. SP8 nampak SP15 membuka pintu gril belakang. SP15 kemudiannya memanggil SP8 untuk masuk bersama ke dalam rumah No 31. Pada mulanya SP7 menolak ajakan SP15 namun kemudian SP8 bersetuju menemani SP15 masuk ke rumah No 31. Sebaik sahaja SP8 masuk ke dalam rumah No 31, SP8 nampak kunci mangga (P14 A) berada di atas lantai dalam keadaan 'macam kena potong' dan serangkai kunci masih berada di lubang pembuka kunci di pintu gril. Kemudiannya SP8 mengikut SP15 naik ke tingkat atas. Semasa sampai di tingkat atas, SP8 nampak bilik utama (*master bedroom*) dalam keadaan berselerak dengan pakaian, tetapi tidak ada sesiapa di dalam bilik tersebut. Di bilik tengah, SP8 nampak 'Neha' (Kamaljit Kaur) bersama anak beliau (Isyhlyn Kaur) telah meninggal dunia. Mengikut SP8, SP15 yang masuk dahulu ke bilik tengah tersebut. Di bilik tersebut SP8 nampak 'Neha berada dalam keadaan terbaring di bawah katil yang mana rambutnya telah menutupi mukanya, disyaki telah meninggal dunia. Manakala anaknya (Isyhlyn Kaur) berada di atas katil di mana terdapat satu botol susu berhampirannya, juga disyaki telah meninggal dunia. SP8 melihat SP15 kemudiannya duduk di atas katil lalu mengangkat dan memeluk cucunya (Isyhlyn Kaur) sambil menangis dan menjerit. Selepas itu, SP8 balik ke rumahnya dan memaklumkan perkara tersebut kepada suaminya SP9.

[28] Pada 14 April 2016, Pek Boon Ping (SP11) adalah pengurus kenderaan di syarikat Bintang Group, tempat OKT bekerja. Berdasarkan rakaman CCTV di premis syarikat Bintang Group, ianya menunjukkan bahawa OKT telah sampai di premis tempat kerja pada jam 5.24 pagi. Selepas itu, OKT kemudiannya memandu lori dengan muatan barangan berlepas ke Port Dickson, Negeri Sembilan. SP11 dalam keterangannya menyatakan sepanjang tempoh dua hingga tiga tahun OKT bekerja di syarikat tersebut, pada kebiasaannya, OKT sampai di pejabat sekitar jam 8 hingga 9 pagi. SP11 juga menyatakan OKT jarang sampai ke pejabat pada jam 5.30 pagi kerana, 'pada awal pagi jarang ada orang menerima penghantaran'. Pada waktu tengah hari, SP11 telah menerima arahan daripada majikannya untuk menghubungi OKT

dan mengarahkan OKT segera balik ke pejabat. Selepas waktu makan tengah hari, SP11 mendapati OKT telahpun balik ke rumahnya bersama dengan saudaranya.

[29] SP15 adalah bapa kepada OKT. SP15 menyatakan pada 14 April 2016 jam lebih kurang 8.10 pagi, semasa beliau berada di rumahnya di No 26, Jalan Desa 13/9, Bandar Country Homes Rawang, SP15 telah menerima panggilan telefon daripada keluarganya yang berada di Sikh Temple Gurdwara di Sentul untuk menyambut hari Vasakhi memaklumkan bahawa menantu beliau (Kamaljit Kaur) tidak dapat dihubungi dan tidak menjawab telefon. SP15 kemudiannya telah pergi ke rumah anaknya di Rawang. Lebih kurang 20 minit kemudian SP15 telah sampai di rumah anaknya dan mendapati pintu pagar depan tidak berkunci. SP15 terus masuk dan mengetuk pintu rumah, namun tidak ada sesiapa yang menjawab. Pada masa itu, SP8 telah datang dan bertanya kepadanya. SP15 memberitahu SP8 bahawa beliau sedang memanggil menantunya tetapi tidak ada sesiapa yang jawab dari dalam. SP8 memberitahu dia hendak menjemur kain dan SP15 menunggu di luar rumah. Selang beberapa minit, SP8 datang semula dan memberitahu pintu belakang rumah anaknya terbuka. SP15 terus pergi ke belakang rumah dan mendapati pintu belakang rumah anaknya terbuka dan tidak berkunci. SP15 kemudiannya mengajak SP8 untuk masuk bersama ke dalam rumah tersebut. SP15 mendapati gril dan bahagian *sliding door* terbuka. Botol plastik dan sedikit arang berselerakan di bahagian dapur. SP15 kemudiannya masuk ke dalam rumah anaknya dan terus naik ke tingkat atas bersama SP8. Di tingkat atas, SP15 nampak menantunya (Kamaljit Kaur) berada dalam keadaan terbaring di atas lantai di tepi katil. Pada masa yang sama, SP15 nampak cucunya (Isyhlyn Kaur) dalam keadaan terbaring berada di atas katil. SP15 cuba mengejutkan menantunya (Kamaljit Kaur) dengan menepuk bahunya beberapa kali tetapi tiada sebarang tindak balas. SP15 memeriksa nadi di bahagian telinga menantunya (Kamaljit Kaur), juga tiada sebarang tindak balas. SP15 turut memeriksa cucunya (Isyhlyn Kaur) dan mendapati cucunya (Isyhlyn Kaur) sudah tidak bernyawa. SP15 terus menangis dan menjerit sambil meminta bantuan SP7 untuk menghubungi pihak polis. SP15 dalam keterangannya juga menyatakan semasa beliau berada di tingkat atas, beliau mendapati bilik utama dalam keadaan berselerak dan pakaian bertaburan di atas lantai. SP15 kemudiannya menghubungi Sarjan Manjeet seorang kenalan yang tinggal berhampiran rumah anaknya. Sarjan Manjeet telah meminta SP15 tidak mengusik dan menyentuh apa-apa barang dalam rumah tersebut sehingga pihak polis datang. Sejam selepas itu, pihak polis telah sampai di tempat kejadian. SP15 telah menghubungi OKT supaya pulang segera ke rumahnya. Pada masa itu OKT berada di Seremban Highway. SP15 dalam keterangannya menyatakan mengikut pemerhatiannya tiada masalah rumahtangga dan masalah kewangan di antara OKT dengan isterinya (Kamaljit Kaur). Hasil perkahwinan OKT dengan Kamaljit, mereka telah dikurniakan seorang anak. SP15 mendapati Kamaljit adalah seorang yang bertanggung jawab menjaga

anaknya dan pada setiap pagi sebelum pergi kerja Kamaljit akan menghantar anaknya ke rumah SP15 dan lebih kurang jam 7 malam, Kamaljit akan datang mengambil anaknya semula. SP15 menyatakan OKT dan Kamaljit berkahwin atas dasar cinta dan suka sama suka. Sebagaimana lumrah perkahwinan, SP15 mengakui kadang kala terdapat sedikit perselisihan faham antara OKT dan Kamaljit.

[30] Pajan Kaur (SP4 — ibu kepada Kamaljit) menyatakan OKT telah berkahwin dengan anaknya Kamaljit lebih kurang satu tahun setengah sebelum kejadian. Mereka berkahwin atas dasar suka sama suka. Perkahwinan mereka direstui oleh SP4 dan keluarganya. Hasil perkahwinan OKT dengan Kamaljit, mereka telah dikurniakan seorang anak bernama Isyhlyn Kaur a/p Satvender Singh. SP4 menyatakan beliau telah beberapa kali melawat Kamaljit dan menginap di rumah Kamaljit. Semasa Kamaljit hamil lapan bulan, SP7 telah tinggal di rumah anaknya agak lama, hampir satu bulan. Dalam tempoh satu bulan SP7 tinggal di rumah Kamaljit, SP4 mendapati OKT dan Kamaljit kerap bertengkar dan bergaduh. Punca pertengkaran adalah perkara-perkara remeh dan kecil tetapi ianya berlarutan sehingga bertukar menjadi pertengkaran yang besar. Selain daripada itu, SP4 mendapati OKT kerap menutur kata-kata yang keji dan menghina terhadap Kamaljit. SP4 menyatakan OKT pernah menuturkan perkataan 'kenceriah' yang bermakna perempuan sundal and 'kuty' yang bermaksud anjing betina. Selain itu OKT juga pernah menyebut perkataan kesat seperti 'mother fucker', 'pariah' dan 'keling' kepada Kamaljit. Selain berlakunya pergaduhan dan pertengkaran, SP4 juga mendapati OKT pernah menggunakan kekerasan terhadap Kamaljit, di mana OKT pernah mencekik leher Kamaljit yang menyebabkan Kamaljit mengalami kesesakan nafas. Perbuatan OKT ke atas Kamaljit menyebabkan SP4 meminta Kamaljit mengikut SP4 pulang dan tinggal bersamanya di Nilai. Bagaimanapun semasa Kamaljit tinggal bersama SP4 di rumahnya di Nilai, bapa OKT (SP15) telah datang dan memujuk Kamaljit untuk balik semula tinggal di rumah mereka, Rawang. Malah SP15 turut memberi jaminan bahawa OKT akan menjaga Kamaljit dengan baik. Walau bagaimanapun, apabila Kamaljit balik ke Rawang, mereka masih lagi bergaduh. Menurut SP4, beliau pernah melihat kesan-kesan lebam pada tubuh Kamaljit dan juga kesan-kesan calar pada tangan Kamaljit. SP4 juga pernah bertanya perkara tersebut kepada Kamaljit dan setelah didesak barulah Kamaljit memberitahu bahawa kesan-kesan tersebut adalah akibat dipukul oleh OKT. SP4 juga dalam keterangannya menyatakan bahawa Kamaljit ada memiliki polisi insurans dan Kamaljit telah memberitahu bahawa penerima manfaat (*beneficary policy*) adalah ibunya, iaitu SP4. Hasil semakan di pejabat insurans di Seremban, SP4 mendapati lebih kurang seminggu sebelum kematian Kamaljit, Kamaljit telah menukar penerima manfaat daripada SP4 kepada OKT. Begitu juga dengan caruman EPF, Kamaljit telah meletakkan SP4 sebagai penerima manfaat caruman EPF miliknya. Hasil semakan SP4 di pejabat EPF, SP4 mendapati lebih kurang seminggu sebelum kematian Kamaljit, Kamaljit telah

memindahkan penama penerima manfaat kepada nama OKT.

[31] SP7 adalah pegawai tangkapan dalam kes ini. SP5 menyatakan pada jam lebih kurang 12 tengah hari beliau telah pergi ke tempat kejadian. Apabila sampai di tempat kejadian, SP5 mendapati terdapat ramai orang telah berkumpul di kawasan rumah tempat kejadian. Setelah SP5 memasuki rumah tempat kejadian, beliau mendapati terdapat beberapa pegawai dan anggota polis sudah berada di dalam rumah tersebut. Di tingkat atas rumah tersebut, SP5 menemui satu mayat seorang wanita dan mayat seorang bayi. Di tempat kejadian, beliau telah menemui SP15 yang memperkenalkan dirinya sebagai bapa mertua kepada Kamaljit Kaur dan memberitahu bahawa beliau adalah orang yang pertama menemui mayat-mayat tersebut. Pada jam 3 petang, OKT telah sampai di tempat kejadian dan SP5 mendapati reaksi OKT pada masa itu kelihatan tenang sahaja. OKT ada bertanya kepada SP5 apakah yang terjadi dan SP5 memberitahu bahawa polis sedang menjalankan siasatan. SP5 juga perasan bahawa terdapat luka di muka OKT. SP5 telah bertanya tentang luka tersebut kepada OKT. OKT menjawab, 'semasa bermain dengan anaknya pada 13 April 2016, anaknya telah membaling satu alat permainan'. OKT juga memberitahu SP5 bahawa kesan luka tersebut adalah akibat anaknya yang telah membaling mainan 'ladybird' dalam jarak satu hingga dua meter dan terkena ke muka OKT. OKT kemudiannya telah menunjukkan kepada satu alat permainan yang ketika itu sudah berada di ruang tamu. SP5 kemudiannya membawa OKT ke bahagian dapur dan belakang rumahnya. OKT memberitahu kepada SP5 bahawa pada kebiasannya beliaulah orang yang selalu mengunci pintu belakang rumahnya. SP5 mendapati bahagian pintu gril atas terbuka dan terdapat lubang petak-petak kecil di gril. SP5 kemudiannya mengarahkan salah seorang anggota membawa peralatan cutter yang bersaiz kecil dan bersaiz besar. Di hadapan OKT, SP5 telah mengarahkan anggotanya cuba untuk memotong kunci mangga yang terkunci dari dalam rumah, bagaimanapun percubaan tersebut telah gagal kerana lubang petak-petak gril adalah kecil dan tidak muat untuk memasukkan cutter kedalamnya dan seterusnya memotong mangga yang berkunci dari dalam. SP5 kemudiannya telah meminta OKT menunjukkan tempat beliau kerja. SP5 dan pasukannya mengambil masa 20 minit untuk sampai ke tempat kerja OKT daripada rumahnya.

[32] Pada 16 April 2016, SP5 bersama OKT telah pergi semula ke rumah OKT dan di rumah tersebut SP5 telah merampas satu selimut *comforter* berwarna ungu dan bercorak kuning dan satu mangga yang disangkutkan pada gril di bilik utama tingkat atas.

Pada 23 April 2016, OKT telah membawa SP5 dan pasukannya ke sebuah lokasi di KM 9.5 susur keluar ke KLIA Lebuh Raya NKVE sebagai tempat pembuangan telefon milik Kamaljit sebagaimana yang diberitahu oleh OKT namun SP5 dan pasukannya tidak menemui telefon milik Kamaljit.

[33] lnspektor Nor Harman bin Abdul Hamid ('SP13') adalah pegawai forensik. Apabila SP13 sampai di tempat kejadian, SP13 telah menemui satu mayat perempuan dewasa berada dalam keadaan terlentang di atas lantai jubin di tepi katil dalam sebuah bilik di tingkat satu bersama dengan satu mayat bayi perempuan dijumpai dalam keadaan terlentang di atas katil di bilik yang sama. Pada mayat perempuan dewasa tersebut terdapat kesan lebam panjang pada leher dan kesan calar pada bahagian lengan tangan. Juga dijumpai loket warna kuning di atas rambut bahagian belakang. Pada mayat bayi perempuan terdapat luka/calar pada leher. Patung mainan 'ladybird' berwarna kuning/hijau masih berfungsi di jumpai di atas lantai jubin di ruang tamu tingkat bawah. Terdapat kesan geledah dalam bilik utama di tingkat atas. Terdapat juga tiga kesan cap jari sebelah luar di bilik utama tingkat atas dan tiga kesan cap jari dijumpai di sebelah luar di pintu bilik no tiga tingkat atas. SP13 juga mendapati terdapat kesan umpil pada bingkai tingkap belakang rumah di bahagian luar. Seterusnya terdapat juga satu kesan cap jari pada bingkai tingkap belakang sebelah luar di bahagian dapur. Pintu gril di bahagian belakang rumah dalam keadaan terbuka dan terdapat serangkai kunci pada lubang pembuka kunci di pintu gril tersebut. Terdapat kesan potong pada satu kunci mangga (P14A) yang dijumpai di atas lantai berhampiran pintu gril belakang. Turut dijumpai satu pahat warna hitam di bingkai tingkap di bahagian dapur. SP13 juga menemui pembuka tingkap di atas lantai simen berhampiran longkang belakang.

[34] ASP Tan Hooi Heng (SP12) adalah pegawai penyiasat dalam kes ini. SP12 menyatakan pada 14 April 2016 pada jam lebih 10.40 pagi beliau telah menerima maklumat daripada anggota balai polis Rawang, Koperal Radziman (SP2) mengenai satu mayat perempuan dewasa dan satu mayat kanak-kanak dijumpai ditempat kejadian. Apabila sampai di tempat kejadian, beliau mendapati tempat kejadian adalah sebuah rumah teres dua tingkat. Beliau dan anggotanya tidak dapat masuk melalui pintu hadapan rumah kerana ianya berkunci. SP12 perlu melalui rumah No 33 untuk memasuki rumah tempat kejadian. Di tempat kejadian, satu padlock (P14A) dijumpai di atas lantai dapur yang terdapat kesan potongan dan sejambak anak kunci yang mengandungi 11 anak kunci berada di lubang pintu gril. Daripada 11 anak kunci tersebut, SP12 mendapati tidak ada satu pun daripada anak kunci itu boleh membuka padlock (P14A). SP12 kemudiannya telah naik ke tingkat atas dan mendapati adanya tiga bilik di tingkat atas. Di bilik nombor dua, sebelah kiri SP12 nampak ada badan seorang perempuan dalam keadaan terlentang dimana kepalanya menghadap ke atas, berpakaian *T-Shirt* warna merah dan seluar warna biru sampai lutut. SP12 mendapati di mulut dan tangannya terdapat kesan darah. Di atas katil SP12 nampak ada seorang budak perempuan kecil berpakaian baju tidur dalam keadaan terlentang. SP12 mendapati adanya kesan lebam di bahagian leher depan. Di sisinya terdapat satu botol susu serta dua bantal besar di atas kepala kanak-kanak itu dan satu bantal peluk kecil di atas belakang kepala kanak-kanak itu. Kedua-dua mata

dan mulut kanak-kanak itu telah dihurungi oleh semut kecil. SP12 memeriksa ketiga-tiga bilik tingkat atas dan mendapati bilik kedua dan ketiga berada dalam keadaan kemas dan tidak berselerak, sebaliknya bilik utama iaitu bilik 'master bedroom' berada dalam keadaan berselerak.

Di dalam rumah tempat kejadian, SP12 telah menemui SP15. SP15 memaklumkan telah menghubungi OKT namun dimaklumkan OKT masih berada di Negeri Sembilan kerana beliau bekerja sebagai pemandu lori.

Empat jam kemudian, lebih kurang jam 3 petang, OKT sampai di di rumahnya. SP12 nampak OKT dalam keadaan biasa dan tiada rasa kesedihan. SP12 juga mendapati ada kesan calar di dahi sebelah kanan OKT. SP12 ada bertanya kepada OKT dan dimaklumkan bahawa kesan calar tersebut akibat terkena alat peralatan permainan *ladybird* yang dibaling oleh anaknya Isyhlyn. SP12 kemudiannya mengarahkan OKT dihantar ke Hospital Selayang untuk pemeriksaan dan menyatakan OKT telah diperiksa oleh Dr Shahrul Izan.

Di tempat kejadian, SP12 mendapati tiada kesan umpil atau pecah masuk pada pintu belakang. Di tingkap belakang ada kesan umpil di tepi besi gril, namun gril berada dalam keadaan yang baik. Hasil siasatan SP12 merumuskan tiada kesan pecah masuk rumah 'force entry'. SP12 membuat rumusan ini berasaskan:

(a) tiada kesan umpil dan pecah pada bahagian pintu belakang umah;

(b) walaupun terdapat kesan umpil di tepi besi gril, tetapi gril belakang berada dalam keadaan intact dan baik;

(c) keadaan pintu hadapan baik; dan

(d) cuma bilik utama sahaja berada dalam keadaan yang berselerak. Lain-lain bilik dalam keadaan baik dan tidak terusik.

[35] ASP Viswanathan a/l Paramasivan adalah pegawai penyiasat gantian (SP16). Hasil siasatan SP16 mendapati adanya perlawanan piala FA yang melibatkan pasukan West Ham United melawan Manchester United pada 14 April 2018 yang bermula pada jam 2 pagi.

[36] Berasaskan notis alibi yang dikemukakan oleh peguam bela OKT, SP16 juga turut membuat siasatan lanjut ke atas No 33, Jalan 1/1, Taman Industri Indah, 48000 Rawang, Selangor. Hasil siasatannya SP16 mendapati alamat tersebut adalah sebuah rumah kedai dua tingkat dan bukannya sebuah restoran Ali Mamak.

[37] Pada 16 April 2016, OKT telah dihantar untuk pemeriksaan klinikal di Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Buloh. Hasil pemeriksaan Dr Razwan Rahimi (SP6) mendapati terdapat lima luka lelasan kecil di muka OKT dan satu luka lelasan kecil pada bahagian buku lali sebelah kaki kiri OKT. Luka

lelasan tersebut telah beransur pulih. SP6 menyatakan bahawa bentuk kecederaan ini boleh disebabkan oleh impak dengan sesuatu objek. SP6 telah dirujuk kepada permainan 'ladybird' (eksh P8A) dan berpendapat adalah mustahil permainan 'ladybird' ini boleh menyebabkan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh OKT.

[38] SP7 adalah pegawai perubatan yang menjalankan bedah siasat ke atas kedua-dua mayat si mati. SP7 menyatakan pada 15 April 2016 bertempat di Hospital Sungai Buloh beliau telah menjalankan bedah siasat terhadap mayat seorang dewasa Kamaljit dan mayat Isyhlyn. Hasil bedah siasat SP7 mendapati punca kematian kedua-dua mayat ini adalah disebabkan *asphyxia*, iaitu kegagalan paru-paru menerima oksigen. Pada mayat Kamaljit, SP7 mendapati ada banyak pendarahan di bahagian mukanya. Terdapat juga kecederaan kecil seperti calar dan abrasi pada leher kiri dan leher kanan. Manakala tulang leher iaitu tulang 'hyoid' telah patah. Berasaskan kecederaan-kecederaan yang dialami Kamaljit, SP7 berpendapat wujudnya satu proses halangan (*obstruction*) yang kuat yang menghalangkan oksigen masuk ke dalam tubuh Kamaljit.

[39] Puan Nor Aidora bt Saidon (SP14) adalah ahli kimia DNA daripada Jabatan Kimia Malaysia. Hasil ujian yang dijalankan ke atas spesimen DNA, antara lain, didapati:

> Keratan kuku Kamaljit
>
> A mixed DNA profile of at least two individuals was developed from nail clippings 'E10(d)' (labelled 'Kamaljit a/p Dorairaja'). The DNA profile obtained from bloodstained specimens 'E10(a)' (labelled 'Kamaljit a/p Dorairaja') and E13(a)' (labelled 'Satvender Singh a/l Pirthpal Singh') are consistent with being the major and minor contributor respectively to this mixed DNA profile.
>
> The DNA profile obtained from nail clippings 'E10(c)' (labelled 'Kamaljit a/p Dorairaja') matched with the DNA profile obtained from the bloodstained specimen 'E10(a)' (labelled 'Kamaljit a/p Dorairaja'), thus indicating that No male/foreign DNA was detected on this sample.
>
> Keratan kuku Ishylyn
>
> The DNA profile obtained from nail clippings 'E12(c)' (labelled 'Isyhlyn Kaur Sandhu a/p Satvender Singh') matched with the DNA profile obtained from the bloodstained specimen 'E12(a)' (labelled 'Isyhlyn Kaur Sandhu a/p Satvender Singh'), thus indicating that no male/foreign DNA was detected on this sample.
>
> A mixed DNA profile of at least two individuals was developed from nail clipping label 'Isyhlyn Kaur Sadhu a/p Satvender Singh'. The DNA profile obtained from bloodstained specimen 'Isyhlyn Kaur Sadhu a/p Satvender Singh' is consistent with being the major and minor contributor to the mixed DNA profile while the DNA profile obtained from bloodstained specimen 'Kamaljit a/p Dorairaja' and 'Satvender Singh a/l Pirthpal Singh' are excluded from being the contributor to this mixed DNA profile.

Padlock P14(a)

A mixed DNA profile of at least two individuals was developed from swab taken of padlock 'E3'. The DNA profile obtained from bloodstained specimen 'E10(a)' (labelled 'Kamaljit a/p Dorairaja'), 'E12(a)' (labelled 'Ishylyn Kaur Sandhu a/p Satvender Singh') and E13(a)' (labelled 'Satvender Singh all Pirthpal Singh') are excluded from being the contributor to this mixed DNA profile.

Alat mainan Lady Bird

A mixed DNA profile of at least two individuals was developed from swab taken of toy 'E2'. The DNA profile obtained from bloodstained specimen 'E12(a)' (labelled 'Isyhlyn Kaur Sandhu a/p Satvender Singh) is consistent with being the major contributor to the mixed DNA profile while the DNA profile obtained from bloodstained specimens 'E10(a)' (labelled 'Kamaljit a/p Dorairaja') and E13(a)' (labelled 'Satvender Singh all Pirthpal Singh') are excluded from being minor contributor to this mixed DNA profile. The probability of a randomly selected unrelated individual having a matching DNA profile [of bloodstained specimen 'E12(a)' (labelled 'Isyhlyn Kaur Sandhu a/p Satvender Singh')] and is consistent with being a contributor to this mixed DNA profile is approximately.

[40] Tuan rumah, tempat kejadian iaitu Encik Chew Nam Hwee (SP3) telah dipanggil sebagai saksi pendakwaan. SP3 dalam keterangannya menyatakan OKT dan Kamaljit adalah penyewa rumah tersebut pada 14 April 2018. SP3 telah menyerahkan kepada OKT dua set kunci rumahnya sebelum OKT memasuki rumah tersebut. Rumahnya telah siap dipasang dengan gril termasuk bahagian pintu belakang dan tingkap belakang. Pintu belakang rumahnya adalah jenis 'steel plate' yang mempunyai dua bahagian pintu, bahagian atas ianya boleh dibuka, manakala bahagian bawah tidak boleh dibuka. SP3 menyatakan pintu belakang rumahnya tidak boleh dibuka kecuali bahagian kedua 'steel plate' yang dilekatkan pada gril dipecahkan.

[41] Isu utama dalam kes ini ialah sama ada keterangan-keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagaimana yang dinyatakan di atas jika dilihat secara keseluruhannya menjuruskan kepada satu kesimpulan sahaja iaitu kebersalahan OKT tanpa keraguan yang munasabah?

[42] Peguam bela OKT menghujahkan bahawa terdapat pihak ketiga yang telah memecah masuk ke dalam rumah si mati dan mereka adalah orang yang membunuh Kamaljit dan Isyhlyn. Dihujahkan bahawa tiada sebarang bukti menunjukkan OKT telah memotong mangga (P14A), di mana tiada sebarang alat pemotong atau *cutter* yang dikatakan digunakan untuk memotong mangga tersebut dirampas untuk dianalisa atau sebarang penimbulan cap jari, tiada sebarang bukti bahawa OKT telah ke belakang rumah beliau untuk mengumpil tingkap belakang, tiada sebarang rakaman percakapan diambil oleh jiran belakang rumah untuk mengesahkan dakwaan tersebut, tidak

menjejaskan dapatan mahkamah bahawa tiadanya 'force entry' berlaku pada malam tersebut. A

[43] Peguam bela OKT menekankan bahawa kesan pecah masuk di rumah tersebut adalah bukan rekaan OKT, tetapi terdapat pihak ketiga yang terlibat yang masih bebas kerana tidak dapat dikesan oleh pihak polis. B

[44] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada berlakunya pecah masuk pihak ketiga dalam rumah tersebut pada malam tersebut dan mereka adalah orang yang membunuh Kamaljit dan Isyhlyn atau tiada berlakunya 'force entry' sebagaimana yang dinyatakan oleh saksi pihak pendakwaan. C

[45] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, menganalisa hujahan-hujahan pihak-pihak atas isu ini, mahkamah mendapati tidak berlakunya 'force entry' pada malam itu. D

[46] Daripada keterangan-keterangan ikut keadaan yang dikemukakan mahkamah mendapati pintu belakang rumah tempat kejadian ditutup dengan gril yang berpetak kecil dan dilekatkan dengan 'steel plate'. Terdapat dua bahagian 'steel plate', di mana bahagian atas 'steel plate' boleh dibuka tetapi bahagian bawah tidak boleh dibuka kerana ianya dipasang mati bersama gril. Saya menerima keterangan SP7 yang menyatakan pintu belakang rumahnya tidak boleh dibuka kecuali bahagian kedua 'steel plate' yang dilekatkan pada gril dipecahkan. E F

[47] SP7 juga telah menjalankan ujian di tempat kejadian pada 14 April 2016 dengan kehadiran OKT di mana beliau mendapati *cutter* besar dan *cutter* kecil tidak boleh memotong mangga yang dikunci dari dalam. G

[48] Di atas lantai berdekatan pintu belakang rumah dijumpai mangga yang mempunyai kesan potongan (P14A) dan juga serangkai kunci mengandungi sebanyak 11 anak kunci dijumpai di lubang pintu gril. Namun, kesemua 11 anak kunci yang dijumpai di lubang gril tersebut tidak berpadanan dengan mangga P14A. Mahkamah mendapati mangga (P14A) bukanlah mangga yang digunakan untuk mengunci dari dalam memandangkan kesemua 11 anak kunci yang ditemui di lubang pintu gril tidak berpadanan dengan mangga tersebut. Di mangga tersebut juga tiadanya profil DNA OKT dan Kamaljit yang merupakan penghuni rumah tersebut. Berdasarkan fakta bahawa *cutter* sama ada besar atau kecil tidak boleh memasuki petak kecil untuk memotong mangga yang mengunci gril, kunci yang ditemui di lubang kunci tidak sepadan dengan P14 dan ketiadaan DNA Kamaljit serta OKT di P14A ada selamat untuk saya membuat dapatan fakta berdasarkan inferens bahawa P14A sengaja H I

diletakkan berdekatan di pintu belakang untuk menunjukkan seolah-olah berlaku pecah masuk ke atas rumah OKT.

[49] Berasaskan alasan-alasan di atas, mahkamah bersetuju dengan dapatan hasil siasatan SP12 bahawa tidak berlakunya 'forced entry' pada pintu belakang rumah tempat kejadian.

[50] Dalam pertuduhan, OKT dikatakan telah melakukan pembunuhan ke atas Kamaljit dan Isyhlyn pada 14 April 2016 di antara jam 3.55 pagi sehingga jam 4.15 pagi. Dalam membuktikan masa kejadian, pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan-keterangan berikut:

(a) SP8 menyatakan pada 13 April 2016 jam lebih kurang 11 malam beliau melihat SP15 datang ke rumah OKT bersama dengan bayi yang mahkamah dapati bayi tersebut adalah Isyhlyn (rujuk ms 183, nota keterangan);

(b) SP16 mengesahkan pada 14 April 2016 adanya perlawanan bola sepak antara West Ham United dan Manchester United bermula jam 2 pagi;

(c) SP10 pula menyatakan beliau menonton perlawanan bola sepak melibatkan pasukan kegemarannya Manchester United bermula pada jam 2.45 pagi dan berakhir pada 4.45 pagi;

(d) SP10 menyatakan pada waktu rehat perlawanan jam 3.30 pagi, beliau keluar menghisap rokok dan bertembung dengan OKT;

(e) SP9 menyatakan pada jam 4.30 pagi, beliau telah sampai di rumahnya;

(f) SP11 menyatakan berdasarkan rakaman CCTV di premis syarikat tempat OKT bekerja, OKT didapati sampai ke pejabat pada jam 5.24 pagi;

(g) SP5 mengesahkan perjalanan dari rumah OKT ke pejabatnya mengambil masa selama 20 minit;

(h) SP16 mengesahkan bahawa alamat alibi OKT bukannya sebuah restoran seperti yang didakwa, tetapi merupakan bangunan kedai dua tingkat; dan

(i) SP15 telah sampai di rumah OKT jam 8.30 pagi pada 14 April 2016.

[51] Berasaskan keterangan-keterangan di atas, peguam bela OKT menghujahkan masa kematian kedua-dua si mati tidak dapat ditentukan sebagaimana pertuduhan kerana tiada sebarang keterangan daripada mana-mana saksi pendakwaan yang membuktikan bahawa masa kematian adalah di antara 3.55 pagi sehingga 4.15 pagi. Seterusnya dihujahkan, memandangkan tiada siasatan dilakukan terhadap jurang masa tersebut, peguam bela OKT menghujahkan bahawa satu inferens yang boleh diambil

oleh mahkamah ialah masa kematian kedua-dua si mati boleh berlaku selepas OKT sampai di pejabat pada jam 5.25 pagi sehingga SP15 sampai di tempat kejadian pada jam 10.30 pagi.

[52] Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan yang dinyatakan di perenggan 49, saya mendapati kejadian pembunuhan ke atas kedua-dua si mati boleh berlaku diantara jam 11 malam 13 April 2016 sehingga 5 pagi pada 14 April 2016 sebelum OKT keluar dari rumahnya ke tempat kerja. OKT merupakan orang terakhir yang berada bersama-sama Kamaljit dan Isyhlyn. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Mohd Saifulrizan bin Sainan v Public Prosecutor* [2021] 1 MLJ 214; [2020] 1 LNS 1938 ketika membincangkan prinsip *last seen*/orang terakhir bersama si mati berkata seperti berikut.

> [41] We are aware that the fact the appellant was the last seen with the deceased by itself may not be enough to prove a case beyond reasonable doubt, but in this case, it is pertinent to note, PW4 saw the appellant putting the deceased in his car at about 7 am. There were only two of them in the car. Both left and about 30 minutes later, PW4 saw the appellant coming back alone. The spot where the deceased was found is 8 km away from the deceased home and approximately 15 minutes by car as testified by PW14. *Therefore on of account of the close proximity of place and time between the event the appellant having last seen with the deceased and the factum of death, it is reasonable to conclude that either the appellant should explain how and in what circumstances the deceased suffered the death or should own the liability for the homicide. The Supreme Court of India in Rishi Pal v State of Uttarakhannd* [2013] (2) ACR 147, had this to say *regarding the principle of last seen evidence:*
>
> > 16. In *Mohibur Rahman and Anr v State of Assam* [2002] 6 SCC 715, this court held that the circumstance of last seen does not by itself necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. It depends upon the facts of each case. There may however be cases where, on account of close proximity of place and time between the event of the accused having been last seen with the deceased and the factum of death, a rational mind may be persuaded to reach an irresistible conclusion that either the accused should explain how and in what circumstances the victim suffered the death or should own the liability for the homicide. Similarly in *Arjun Marik and Ors v State of Bihar* 1994 Supp (2) SCC 372, this court reiterated that the solitary circumstance of the accused and victim being last seen will not complete the chain of circumstances for the court to record a finding that itis consistent only with the hypothesis of the guilt of the accused. No conviction on that basis alone can, therefore, be founded. (Penekanan ditambah.)

[53] Berdasarkan nas yang dipetik di atas OKT bertanggung jawab untuk menjelaskan punca kematian Kamaljit dan Isyhlyn atau menanggung akibat bahawa kematian ke dua si mati disebabkan oleh OKT.

[54] Penglibatan OKT dengan kematian Kamaljit dan Isyhlyn semakin jelas bila ditimbang dengan keterangan bersabit *conduct* OKT. Perlu dicatitkan di

sini berdasarkan keterangan SP10, yang mana mahkamah menerima 'conduct' OKT yang terus melarikan diri masuk ke dalam rumah sebelum sempat ditegur oleh SP10 mewajarkan mahkamah membuat inferens bahawa pembunuhan tersebut baru sahaja berlaku. Elemen 'conduct' akan dibincangkan selepas ini.

[55] Berasaskan alasan-alasan di atas, mahkamah mendapati masa pembunuhan telah berlaku di antara jam 3.55 pagi hingga 4.15 pagi. Ekoran itu permohonan timbalan pendakwa raya dalam penghujahan tambahan kedua di akhir kes pihak pendakwaan yang memohon mahkamah membuat pindaan terhadap waktu sebenar pembunuhan berlaku tidak bermerit.

KELAKUAN/'CONDUCT'

[56] Mahkamah mendapati salah satu keterangan ikut keadaan yang penting diambilkira oleh mahkamah apabila memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan satu kes prima facie ke atas tertuduh sebagaimana pertuduhan-pertuduhan adalah kelakukan/'conduct' OKT semasa OKT bertembung dengan SP10 sewaktu SP10 keluar menghisap rokok semasa waktu rehat perlawanan bola sepak.

[57] Kelakuan yang dahulu atau yang kemudian, diterima dibawah s 8 Akta Keterangan 1950 yang mana memperuntukkan sebagaimana berikut:

> (1) Sesuatu fakta adalah relevan jika ia menunjukkan atau menjadi motif atau persediaan bagi satu fakta isu atau fakta relevan;
>
> (2) Kelakuan sesuatu pihak atau kelakuan seseorang agen kepada sesuatu pihak dalam sesuatu guaman atau prosiding berkenaan dengan guaman atau prosiding itu, atau berkenaan dengan sesuatu fakta isu dalamnya atau yang relevan dengannya, dan kelakuan seseorang yang kesalahan terhadapnya menjadi perkara sesuatu prosiding, adalah relevan jika kelakuan itu mempengaruhi atau dipengaruhi oleh sesuatu fakta isu atau fakta relevan, dan sama ada kelakuan itu berlaku dahulu atau kemudian daripadanya.
>
> Ilustrasi (i) A dituduh melakukan sesuatu jenayah
>
> > Fakta-fakta bahawa selepas berlakunya jenayah yang dikatakan itu dia melarikan diri, atau ada memiliki harta atau hasil harta yang telah diperolehi dengan jenayah itu, atau cuba menyembunyikan benda-benda yang telah atau mungkin telah digunakan dalam melakukan jenayah itu adalah relevan.

(Sila rujuk *Sarkar on Evidence* (15th Ed) ms 175 (*Commenting on the admissibility of evidence of conduct under Section 8* dan kes *Kuldip Sharma v The State* [1996] Cri LJ 244)

[58] Keterangan kelakuan yang diterima di bawah s 8 telah diperjelaskan dalam s 9 ilustrasi (c) yang memperuntukkan:

(c) A dituduh melakukan jenayah suatu jenayah

Fakta bahawa sejurus selepas berlakunya jenayah itu A telah melarikan diri dari rumahnya adalah berkaitan di bawah Seksyen 8 sebagai kelakukan yang kemudian daripada dan tersentuh oleh fakta persoalan.

Fakta bahawa pada masa dia meninggalkan rumahnya dia ada urusan tiba-tiba dan mendesak tempat dia pergi itu adalah berkaitan cenderung menghuraikan fakta bahawa dia telah meninggalkan rumahnya dengan tiba-tiba.

Perincian urusan yang kerananya dia telah meninggalkan rumah tidak berkaitan, kecuali setakat yang perlu bagi menunjukkan bahawa urusan itu tiba-tiba dan mendesak.

[59] Pemakaian kedua-dua seksyen ini telah pun dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705.

[60] Berbalik kepada kes ini, mahkamah mendapati kelakuan OKT yang terus melarikan diri masuk ke dalam rumahnya jelas boleh diterima di bawah s 8 Akta Keterangan kerana ianya mempunyai kaitan dengan fakta bahawa telah berlakukan pembunuhan pada malam itu di rumah OKT.

[61] Berasaskan s 9, OKT perlu memberi penjelasan ke atas tindakannya yang terus melarikan diri masuk ke dalam rumah (*the explanation for his reaction must therefore be offered by OKT as required by s 9*)

MOTIF

[62] Apabila kes pihak pendakwaaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan, pihak pendakwaan perlu membuktikan motif untuk mengaitkan OKT dengan pertuduhan (rujuk kes *Lim Hean Chong @ Teo Hean Chong v Public Prosecutor* [2012] 1 MLJ 149; [2012] 2 CLJ 1046).

[63] Mahkamah mendapati keterangan ikut keadaan berikut adalah relevan untuk membuktikan motif untuk mengaitkan OKT dengan pertuduhan, iaitu:

(a) mahkamah menerima keterangan SP4 bahawa hubungan Kamaljit dan OKT adalah sebelum kejadian adalah bermasalah dan tidak harmonis;

(b) mahkamah juga menerima keterangan SP4 bahawa sebelum kejadian Kamaljit kerap didera oleh OKT; dan

(c) seminggu sebelum Kamaljit dibunuh, Kamaljit telah membuat penukaran penama penerima manfaat bagi caruman KWSP dan insurans, pada mulanya dinamakan SP4 sebagai penerima manfaat telah ditukar kepada OKT.

[64] Hubungan yang bermasalah antara OKT dan Kamaljit, penderaan yang berlanjutan serta manfaat kewangan, mewujudkan motif untuk mengaitkan OKT dengan pertuduhan. OKT akan mendapat manfaat kewangan jika Kamaljit meninggal dunia.

SPESIMEN KUKU

[65] Berdasarkan dapatan fakta tidak wujudnya 'force entry' dan berasaskan kesan darah serta luka pada tubuh Kamaljit menunjukkan wujudnya pergelutan sebelum Kamaljit meninggal dunia. Kepatahan di leher Kamaljit menunjukkan wujudnya satu tekanan yang kuat sebelum Kamaljit dibunuh.

[66] Keterangan ikut keadaan yang mana mendapati pada salah satu spesimen kuku Kamaljit terdapat DNA OKT, menyokong dapatan mahkamah bahawa OKT adalah individu yang membunuh isterinya Kamaljit.

[67] Mahkamah juga telah juga mempertimbangkan fakta bahawa pada salah satu spesimen kuku Isyhlyn terdapat DNA 'unknown person'. Fakta ini tidak mewujudkan kelompongan dalam kes pihak pendakwaan kerana keterangan menunjukkan apabila SP15 masuk ke bilik kedua tingkat atas dan mendapati Isyhlyn telah meninggal dunia, SP15 telah memegang, memeluk dan merangkul Isyhlyn untuk tempoh yang lama sebagaimana yang dijelaskan oleh SP8 dalam keterangannya.

[68] Fakta menunjukkan SP12 telah sampai ke tempat kejadian pada jam lebih kurang 11.25 pagi, manakala SP15 sudah sampai di tempat kejadian pada jam 8.30 pagi. Tidak adanya penjelasan daripada pendakwaan apa yang dibuat oleh SP15 dari jam 8.30 hingga 10.30 pagi. Keterangan jelas menunjukkan di tempat kejadian terdapat kesan umpilan di tingkat luar bahagian dapur rumah, terdapatnya kesan cap jari di bahagian dinding di bilik tingkat atas dan juga kesan cap jari di bahagian tingkap yang diumpil, bilik utama juga telah didapati berselerak manakala lain-lain bilik berada dalam keadaan teratur dan kemas. Namun, keterangan ini tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan atas alasan saya telah membuat dapatan fakta tidak berlakunya 'force entry' ke atas rumah si mati.

[69] Setelah mengambil kira keseluruhan keterangan ikut keadaan, keadaan rumah OKT yang tidak boleh dipecah masuk melalui pemotongan mangga dari dalam, gugusan anak kunci yang tidak berpadanan dengan mangga P14A, kesan kecederaan pada muka OKT dan Kamaljit serta Isyhlyn, hubungan yang tidak mesra dan penukaran nama penerima manfaat seminggu sebelum kejadian kepada OKT, *conduct*/kelakukan OKT semasa bertemu dengan jirannya, conduct OKT yang kelihatan tenang dan tiada reaksi kesedihan semasa menemui SP5 dan SP12 dan kewujudan profil DNA OKT pada kuku

Kamaljit, berasaskan keterangan ikut keadaan ini, secara keseluruhannya ianya hanya menjurus kepada satu kesimpulan sahaja, iaitu kebersalahan OKT tanpa keraguan yang munasabah bahawa OKT adalah individu yang telah membunuh Kamaljit dan Isyhlyn sebagaimana pertuduhan.

KES PEMBELAAN

[70] OKT memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Asas pembelaan OKT sebagaimana hujahan peguam bela bahawa bahawa Kamaljit dan Isyhlyn telah dibunuh dalam kejadian rompakan selepas OKT keluar dari rumahnya pada jam 3.55 pagi dan semasa kejadian rompakan tersebut OKT sedang bersarapan pagi di Restoran Ali yang beralamat di No 33, Jalan Indah 1/1, Taman Industri Indah, 48000 Rawang sehingga jam 5.10 pagi dan selepas bersarapan pagi OKT bertolak ke tempat kerjanya, sampai di tempat kerjanya pada jam 5.24 pagi.

[71] OKT dalam keterangannya menyatakan beliau telah berkahwin dengan Kamaljit pada 22 Mac 2014 atas dasar suka sama suka dan bukannya satu perkahwinan yang diaturkan. Selepas Kamaljit mengandung Isyhlyn, hubungan mereka semakin rapat dan baik. Sebagaimana lazim kehidupan suami isteri, OKT tidak menafikan bahawa mereka ada kalanya bertengkar mulut, tetapi tidak pernah memukul atau mengeluarkan kata-kata kesat menghina Kamaljit. OKT menegaskan bahawa Kamaljit tidak pernah meninggalkan rumah sewa mereka atau melarikan diri ke rumah ibunya di Nilai. OKT menafikan bahawa beliau pernah mencekik leher Kamaljit sehingga Kamaljit sukar bernafas.

[72] OKT seterusnya menyatakan bahawa hubungan beliau dengan mentuanya dan keluarga Kamaljit adalah tidak baik. Ibu dan ahli keluarga Kamaljit tidak gembira apabila Kamaljit berkahwin dengan OKT yang mana OKT berkerja sebagai seorang pemandu lori dan tidak mempunyai pendidikan yang tinggi.

[73] Sebaliknya hubungan Kamaljit dengan keluarga OKT sangat baik dan rapat. Ibu dan ayah OKT (SP15) amat menyayangi Kamaljit. Sepanjang tempoh Kamaljit berpantang, ibu OKT yang menjaga Kamaljit. OKT juga menyatakan bahawa kakaknya Parveen Kaur a/p Pirthpal Singh (SD2) juga amat menyayangi Kamaljit di mana mereka berdua bekerja di tempat yang sama, iaitu di IJN. Malah kakaknya telah tinggal selama tiga minggu untuk menjaga Kamaljit selepas Kamaljit melahirkan Isyhlyn.

[74] OKT seterusnya menyatakan beliau mengetahui Kamaljit mempunyai insurans dan juga simpanan KWSP. Kamaljit telah menamakan OKT sebagai penerima manfaat bagi insurans dan KWSP Kamaljit. Ini semua dibuat atas

kehendak Kamaljit. Semasa ke pejabat KWSP untuk menamakan OKT sebagai penerima manfaat, ibu saudara Kamaljit, iaitu Sukhbir Kaur a/p Gurbax Singh turut sama hadir.

[75] OKT menegaskan berasaskan hubungan beliau dan Kamaljit adalah rapat dan baik, Kamaljit disayangi oleh ahli keluarganya dan Kamaljit secara sukarela menamakan OKT sebagai penerima manfaat, ianya tidak ada sebab untuk beliau membunuh Kamaljit pada 14 April 2016.

[76] OKT seterusnya menyatakan bahawa beliau mengetahui Kamaljit menyimpan banyak barang kemasnya hasil pemberian semasa perkahwinan mereka. Antara barang kemas milik Kamaljit adalah 14 gelang emas, 19 cincin emas, lima rantai emas dan tiga jam tangan yang kesemua disimpan di dalam almari bersama pakaiannya di bilik utama (rujuk gambar P1(17)). Empat helaian resit barang kemas dikemukakan (rujuk D42 (A-D)). OKT seterusnya menyatakan ibu bapanya telah memberitahu bahawa kesemua barang kemas tersebut telah hilang.

[77] OKT seterusnya menyatakan Kamaljit dan Isyhlyn telah dibunuh dinihari 14 April 2016, selepas beliau keluar dari rumahnya ke tempat kerjanya.

[78] Sebelum OKT ditangkap, OKT menyatakan beliau bekerja sebagai pemandu lori (*mover*) di Syarikat Bulk Mover Sdn Bhd dengan membawa lori mover sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambar eksh P3 (BV) dan eksh P4 (BW). OKT mempunyai sebuah kereta Wira nombor pendaftaran BGJ 5366 yang digunakan oleh beliau untuk pergi ke tempat kerja. Pada jam lebih kurang 3 pagi 14 April 2016, OKT menyatakan beliau telah bersiap untuk pergi ke tempat kerjanya. Semasa OKT keluar dari rumah untuk mengambil kasut dan memakainya diruang rumah, OKT pada masa itu telah nampak jirannya (SP10) berada di luar rumahnya sedang menghisap rokok. Memandangkan OKT tidak suka dan tidak boleh tahan dengan bau rokok, beliau tidak menyapa/bertegur dengan SP10. Sebaliknya OKT terus masuk semula ke dalam rumah untuk memakai kasut. OKT menyatakan beliau masuk semula ke dalam rumahnya 'dengan cepat sahaja'. Pada waktu itu OKT menyatakan beliau sudah memakai uniform kerjanya yang berwarna jingga. OKT menyatakan hubungan beliau dengan SP10 adalah biasa sahaja.

[79] Selepas itu pada jam 3.55 pagi, OKT menyatakan beliau telah keluar dari rumahnya pergi ke tempat kerja. Semasa OKT keluar dari bilik utama, OKT nampak Kamaljit dan Isyhlyn sedang tidur di bilik tengah. Apabila sampai di tingkat bawah, OKT mengunci semua pintu dan kemudian keluar daripada rumahnya.

[80] Sebelum sampai di tempat kerja, OKT menyatakan beliau telah bersarapan di Restoran Ali Maju di No 33, Jalan Indah 1/1 Taman Perindustrian Berlian, Rawang. OKT menyatakan beliau berada di restoran itu selama lebih kurang 90 minit. Pada jam 5.10 pagi beliau telah bertolak dari Restoran Ali Maju ke tempat kerja. Pada jam 5.24 pagi, OKT telah sampai ke tempat kerja dan seterusnya pada jam 5.40 pagi, OKT telah mengambil lori dan bertolak ke Shell Port Dickson. OKT menyatakan selalunya pemandu bertolak lebih awal sebelum jam 5.00 atau 5.30 pagi untuk mengelakkan kesesakan trafik memandangkan lori tidak dibenarkan menggunakan lebuh raya bermula jam 6.30 pagi hingga 9.30 pagi.

[81] Dalam perjalanan balik dari Shell Port Dickson, semasa sampai di lebuh raya Seremban, OKT telah menerima panggilan telefon dari SP15 yang meminta OKT cepat balik ke rumahnya kerana anak perempuan beliau sakit. OKT juga ada menerima panggilan telefon dari majikannya yang minta beliau balik dan berjumpa dengan majikannya. Apabila OKT sampai di pejabat, OKT mendapati pak ciknya Bajan Singh a/l Mehar Singh (SD3) sudah berada di pejabat. Pak ciknya telah mengambil OKT dan menghantar OKT balik ke rumahnya. Dalam perjalanan balik ke rumahnya, SD3 ada memberitahu bahawa Isyhlyn sakit tenat. Lebih kurang jam 3 petang, mereka sampai di kawasan rumah tempat kejadian. Semasa OKT turun dari kereta, beliau mendapati rumahnya di 'condone' dan ramai orang yang tidak dikenali berkumpul di luar kawasan rumahnya. OKT tidak dibenarkan masuk ke dalam rumahnya dan dibawa ke rumah jirannya. Apabila OKT masuk ke dalam rumah jirannya, beliau mendapati kesemua ahli keluarganya sedang menangis. Ibunya memberitahu OKT bahawa Kamaljit dan Isyhlyn telah meninggal dunia. OKT menyatakan beliau terkejut, tidak bersuara dan telah menangis. OKT seterusnya telah bertanyakan kepada SP15 apakah yang sebenarnya telah berlaku. 20 minit selepas itu, OKT telah dibawa oleh pegawai polis masuk ke dalam rumahnya. Selepas OKT masuk ke dalam rumahnya, pegawai polis itu telah membawa OKT ke bahagian belakang rumahnya dan menunjukkan kepada beliau kesan umpil di tingkap belakang rumah. Pegawai polis itu juga telah menunjukkan kepada OKT satu mangga yang terpotong (P14A) yang berada di atas lantai berdekatan dengan pintu gril belakang di bahagian dapur dan juga serangkai anak kunci yang tergantung pada lubang kunci pintu gril dapur. OKT menyatakan mangga yang terdapat kesan potongan itu adalah mangga yang digunakan olehnya untuk mengunci pintu belakang. OKT menegaskan beliau pasti bahawa mangga itu (P14A) adalah mangga yang beliau gunakan untuk kunci pintu belakang kerana pada mangga ini adanya tulisan 'Knight' dan '360'. OKT menegaskan beliau tidak pernah sama sekali memotong mangga itu.

[82] Pegawai polis tersebut tidak membenarkan OKT naik ke tingkat atas rumahnya. OKT kemudiannya selepas itu telah ditangkap oleh pihak polis dan dibawa balik ke IPD Gombak.

[83] OKT telah dirujuk gambar P2 (AK) dan P2 (AL). OKT menyatakan gambar P2 (AL) merupakan gambar yang menunjukkan kesan-kesan luka pada mukanya. OKT menyatakan kesan-kesan luka ini adalah akibat permainan 'lady bird' yang dibaling oleh Isyhlyn. OKT menyatakan pada malam 13 April 2016, semasa beliau bersama dengan Isyhlyn, Isyhlyn itu telah membaling alat permainan 'lady bird' itu dari jarak yang dekat di mana alat permainan itu telah terkena dan bergesel dengan mukanya. OKT seterusnya menyatakan atas kepala 'lady bird' itu terdapat dua sesungut besi, tetapi dua sesungut besi itu telah patah kerana dibuang oleh Isyhlyn. Semasa OKT dipanggil semula untuk menyambung keterangannya, OKT menyatakan seperti berikut;

> ... semasa pada tanggal 13hb itu, anak saya nangis, saya cuba hendak diamkan bagi dia beberapa permainan semasa isteri saya tukar pakaian dia. Saya bagi dia diam, dia pegang, dia terus baling. Saya masa itu baring tepi dia. bini saya, saya di tepi. Benda itu jatuh begini, terkena dikepala saya jatuh ke bawah, terkena di bahagian kanan muka.

[84] OKT seterusnya menyatakan pada 18 April 2016, SP5 telah membawa OKT ke tempat kejadian. Pada hari itu, SP5 telah membuat memeriksa semula tempat kejadian dan telah menemui satu mangga yang disangkutkan pada gril bersama dengan anak kunci di bilik utama tingkat atas. OKT mengesahkan bahawa mangga dan anak kunci tersebut sememangnya digunakan untuk mengunci gril tingkap di bilik utama tingkat atas. Di bilik tengah tingkat atas, SP5 turut merampas sehelai selimut berwarna ungu dan bercorak kuning.

[85] OKT juga telah dirujuk kepada satu pahat hitam (P30A) yang telah dijumpai oleh pihak forensik pada bingkai tingkap di bahagian dapur. OKT menegaskan bahawa beliau tidak pernah melihat dan tidak memiliki P30A.

[86] OKT juga telah dirujuk kepada pembuka bingkai tingkap (P31A) yang telah dijumpai oleh pihak forensik berhampiran dengan longkang belakang rumah tempat kejadian. OKT mengesahkan bahawa P31A adalah pembuka bingkai tingkap rumahnya tetapi beliau tidak tahu kenapa P31A boleh terjatuh dari tingkap rumahnya.

[87] OKT dalam keterangannya menafikan beliau memandu arah SP5 ke tempat beliau membuang telefon bimbit milik Kamaljit ke dalam sungai di KM 9.5 susur keluar KLIA Lebuh Raya NKVE. OKT menegaskan bahawa SP5 yang telah membawa beliau ke tempat itu. OKT seterusnya menyatakan beliau tidak tahu di manakah telefon bimbit Kamaljit.

[88] OKT menafikan dan menegaskan beliau tidak membunuh Kamaljit dan Isyhlyn kerana beliau amat menyayangi kedua-dua mereka dan sangat merindui mereka.

[89] SD2 adalah kakak kepada OKT. SD2 menyatakan pada malam 14 April 2016, semua ahli keluarganya telah pergi ke Sikh Temple Gurdwara di Sentul untuk menyambut hari Vasakhi. Pada pagi 14 April 2016 SD2 menunggu kehadiran Kamaljit tetapi Kamaljit tidak juga muncul. Selepas itu ayahnya SP15 telah pergi ke rumah adiknya OKT. Bila SP15 sampai di rumah OKT, SP15 memaklumkan kepada keluarga bahawa Kamaljit dan Isyhlyn telah meninggal dunia. SD2 bersama dengan keluarganya terus pergi ke rumah OKT. Apabila sampai di rumah OKT, SD2 melihat ramai orang dan mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah OKT. SP15 telah menelefon OKT supaya balik ke rumahnya cepat kerana Isyhlyn sakit tenat. Ibunya telah minta adiknya (SD3) pergi ke tempat kerja OKT dan membawa balik OKT ke rumahnya.

[90] SD2 seterusnya menyatakan apabila OKT sampai dihadapan rumahnya, OKT tidak dibenarkan masuk ke dalam rumahnya. OKT telah dibawa masuk ke rumah jirannya. Sebaik sahaja OKT masuk ke dalam rumah jirannya, OKT terus bertanya kepada ibunya apa yang berlaku dan kenapa ramai orang berada di luar rumahnya. Pada ketika itu semua ahli keluarga mereka menangis dan ibunya memberitahu OKT bahawa Kamaljit dan Isyhlyn telah meninggal dunia. OKT kelihatan terkejut, tidak bersuara dan terus menangis teresak-esak (tidak berhenti). 20 minit selepas itu, pihak polis telah datang ke rumah jiran dan membawa OKT masuk ke dalam rumahnya.

[91] SD2 menyatakan beliau bekerja di tempat yang sama dengan Kamaljit iaitu di IJN. Beliau menyatakan OKT amat menyayangi Kamaljit. Kamaljit juga tidak pernah mengadu kepadanya atau memberitahu kepada bahawa hubungan beliau dengan OKT adalah tidak baik. Malah semasa Kamaljit sarat mengandung, Kamaljit kelihatan amat gembira dan memberitahu SD2 bahawa beliau akan menjadi ibu dan OKT akan menjadi ayah. Sebaliknya, Kamaljit pernah mengadu bahawa ada ahli keluarganya cuba merosakkan perkahwinan Kamaljit dan OKT di mana Kamaljit telah membuat laporan polis. SD2 juga menyatakan bahawa beliau tidak pernah nampak kesan lebam dan luka pada badan, tangan dan leher Kamaljit. Setahu SD2, keluarga Kamaljit sememangnya tidak suka OKT kerana OKT hanya bekerja sebagai pemandu dengan gaji yang tidak banyak dan tidak berpendidikan tinggi. Kamaljit juga ada beritahu SD2 bahawa beliau telah menukar nama penerima manfaat insurans dan KWSP kepada OKT.

[92] SD3 adalah adik kepada ibu OKT dan bekerja ditempat yang sama dengan OKT. Pada 14 April 2016 semasa beliau kerja di syarikat Bintang Bulk,

SD3 telah mendapat panggilan daripada adiknya memaklumkan bahawa anak OKT sakit tenat dan minta SD3 menghubungi OKT dan membawa balik OKT ke rumahnya dengan segera. SD3 kemudiannya telah menghubungi OKT dan memaklumkan kepadanya bahawa anaknya dalam keadaan sakit tenat dan minta OKT balik dengan segera. Apabila OKT sampai balik di tempat kerjanya, SD3 terus meminta OKT mengikutnya pulang ke rumah OKT bersamanya. Dalam perjalanan pulang, OKT ada bertanya apa yang terjadi dan SD3 hanya menyatakan bahawa anak OKT sakit tenat. Apabila sampai di hadapan rumah OKT, OKT turun dari kereta, pergi menemui ibunya sambil menangis-nangis dan bertanyakan kepada ibunya apakah yang telah berlaku.

[93] Selepas meletakkan kereta, SD3 menuju ke tempat kejadian dan menemui adiknya, lalu bertanya kepada adiknya apa yang telah berlaku. Pada masa itu adiknya menangis dan SD3 tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah OKT, hanya berdiri di luar perkarangan rumah sahaja.

[94] SD3 menyatakan sebagai pemandu lori, secara amnya sebelum pukul 5 pagi, pemandu perlu bertolak membawa lori ke tempat penghantaran. Ada kalanya pemandu bertolak seawal jam 3 pagi, 4 pagi dan sebagainya. SD3 menyatakan pemandu terpaksa keluar awal pagi bagi mematuhi peraturan lebuh raya, iaitu selepas jam 6.30 hingga 9.30 pagi, kenderaan-kenderaan berat dilarang berada di atas lebuh raya. Setahu SD3, OKT pada kebiasaannya bertolak membawa lori ke tempat penghantaran daripada depoh di antara jam 4 hingga 5 pagi.

[95] Sarjan Manjeet Singh a/l Swaran Singh (SD4) merupakan seorang anggota polis yang bertugas di Balai Polis Rawang. SD4 dalam keterangannya menyatakan pada 14 April 2016, sewaktu beliau bersiap-siap untuk pergi ke Sikh Temple Gurdawara di Sentul untuk menyambut hari Vasakhi, pada masa itu jam lebih kurang 9 pagi, seorang wanita India telah datang ke rumahnya dan memberitahu seorang perempuan Singh yang tinggal berhampiran rumahnya telah meninggal dunia. Apabila SD4 sampai di rumah OKT, SD4 mendapati ramai orang berkumpul di hadapan rumah OKT. SD4 kemudiannya telah masuk ke dalam rumah OKT dan telah menemui ayah OKT (SP15). SP15 telah memaklumkan kepada beliau bahawa Kamaljit dan Isyhlyn telah meninggal dunia. SP15 juga memaklumkan bahawa beliau telah naik ke tingkat atas melihat keadaan kedua-dua si mati. Untuk mengelakkan orang ramai daripada memasuki rumah OKT, SD4 telah berdiri di garaj rumah OKT bagi memastikan orang ramai tidak boleh masuk kedalam rumah OKT. SD4 telah menghubungi balai polis Rawang tempat beliau kerja memaklumkan kejadian kematian di dalam rumah OKT. SD4 menyatakan beliau tidak naik ke tingkat atas untuk melihat mayat tersebut. Selepas itu pihak polis sampai di rumah OKT, SD4 balik ke rumahnya.

[96] Rajinder Kaur a/p Sukhdev Singh (SD5) adalah peguam cara yang telah dilantik oleh keluarga OKT untuk mewakili OKT bagi tuntutan sivil ke atas keluarga Kamaljit. SD5 mengetahui bahawa OKT telah dituduh atas kesalahan membunuh isteri dan anaknya dan kes tersebut masih dalam perbicaraan. SD5 juga mengetahui bahawa OKT merupakan penama dan individu yang menerima manfaat terhadap caruman KWSP dan insuran Kamaljit.

[97] SD5 memaklumkan kepada mahkamah bahawa terdapat satu permohonan saman pemula dari keluarga Kamaljit, antara lain, memohon untuk mendapat perintah bagi menghalang OKT dari menerima caruman KWSP Kamaljit dan insuran Kamaljit. SD5 juga menyatakan keluarga Kamaljit telah pun mendapat perintah kuasa untuk mentadbir ke atas harta Kamaljit. Sebagai peguam cara yang mewakili OKT dalam saman pemula tersebut, sekiranya OKT di dapati bersalah membunuh simati, OKT tidak lagi berhak untuk mewarisi harta si mati berasaskan peruntukan s 6 Akta Pembahagian 1958.

[98] Di akhir kes pembelaan, tugas mahkamah hendaklah memutuskan sama ada pembelaan OKT telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan (rujuk kes *Arulpragasan a/l Sandaraju v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 1; [1996] 4 CLJ 597 dan *Mah Kok Cheong v R* [1953] 1 MLJ 46). Undang-undang tidak meletakkan beban kepada OKT untuk membuktikan beliau tidak bersalah. Sungguhpun seorang hakim tidak menerima atau mempercayai versi seseorang OKT, OKT tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas sebab yang cukup bahawa versi OKT itu tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pendakwaan (rujuk kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311). Mahkamah seterusnya perlu menimbang kesemua keterangan dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah (rujuk kes *Public Prosecutor v Datuk Tan Cheng Swee & Anor* [1980] 2 MLJ 276; [1980] 1 LNS 58).

[99] Apa yang dimaksudkan dengan keraguan yang munasabah telah dijelaskan oleh Hakim Sharma J dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 dengan menyatakan:

> The following definition of reasonable doubt' is often quoted: It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.

A It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there. B Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

C **[100]** Berbalik kepada kes ini, OKT menyatakan mangga yang terdapat kesan potongan (P14A) adalah merupakan mangga yang OKT gunakan untuk mengunci pintu gril belakang pada malam 14 April 2016 kerana pada mangga ini terdapatnya tulisan 'Knight' dan '360'. OKT seterusnya menegaskan beliau tidak pernah sama sekali pada malam 14 April 2016 memotong mangga itu.

D

[101] Mahkamah menolak keterangan OKT bahawa mangga P14A adalah mangga yang OKT gunakan untuk mengunci pintu gril belakang pada malam 14 April 2016 kerana tiada satu pun daripada 11 anak kunci yang didapati berada di lubang gril tidak berpadanan dengan mangga tersebut. Keduanya, E tidak ada profil DNA OKT mahupun si mati pada P14A. Keterangan menunjukkan adanya dua profil DNA campuran yang didapati daripada mangga tersebut terdiri daripada dua orang penyumbang mengenepikan OKT, Kamaljit dan Isyhlyn.

F

[102] OKT dalam pembelaanya menyatakan kecederaan yang beliau alami dibahagian mukanya adalah akibat permainan 'lady bird' yang dibaling oleh Isyhlyn dari jarak yang dekat telah terkena dan bergesel dengan mukanya. Kecederaan yang dialami oleh OKT jelas sebagaimana di gambar P2 (AK) dan G P2 (AL).

[103] Permainan 'lady bird' telah ditanda sebagai eksh P8(A). Permainan 'lady bird' yang dikemukakan di mahkamah tidak mempunyai dua sesungut besi. SP5 menyatakan beliau menemui permainan 'lady bird' tersebut di ruang H tamu tingkat bawah tanpa dua sesungut. SP5, Pegawai Penyiasat SP12 dan SP15 tidak pernah pada bila-bila masa ada menjumpai 'lady bird' dua sesungut besi di tempat kejadian pada 14 April 2016.

I **[104]** SP7 telah dirujuk kepada eksh P8(A) dan berpendapat objek P8(A) adalah mustahil untuk menyebabkan kecederaan OKT sebagaimana di gambar P2(AK) dan P2(AL) kerana bentuk permukaanya P8(A) adalah licin. SP8 berpendapat sekiranya permukaan P8(A) adalah licin dan sekiranya

permukaan P8(A) terkena bahagian kulit, ianya tidak akan menyebabkan luka lelasan dan memberi bentuk segi empat tepat sebagaimana sepertimana kecederaan yang dialami oleh OKT.

[105] Berasaskan bentuk permainan 'lady bird' yang licin dan tidak mempunyai dua sesungut, dapatan SP8 bahawa permainan 'lady bird' tidak boleh menyebabkan luka lelasan dan memberi bentuk empat segi sebagaimana kecederaan dialami oleh OKT, Isyhlyn yang masih bayi berumur tujuh bulan mewajarkan saya untuk menolak pembelaan OKT yang menyatakan kecederaan yang dialami di mukanya disebabkan oleh terkena permainan 'lady bird' yang dibaling oleh Isyhlyn dari jarak dekat.

[106] Di akhir kes pihak pendakwaan, mahkamah mendapati kelakuan OKT yang terus melarikan diri masuk ke dalam rumah adalah fakta relevan yang menunjukkan bahawa OKT telah melakukan suatu kesalahan jenayah. Berasaskan s 9 Akta Keterangan, OKT perlu mematahkan fakta relevan tersebut (*illustration* (c) s 9 dirujuk) untuk membuktikan ketidakbersalahannya sebagaimana pertuduhan. Mahkamah mendapati penjelasan OKT bahawa beliau terus melarikan diri masuk ke dalam rumah kerana beliau tidak suka dan tidak boleh tahan dengan bau rokok, adalah satu alasan yang tidak kredibel dan gagal untuk mematahkan fakta relevan kelakuannya yang menunjukkan beliau telah melakukan suatu kesalahan jenayah.

[107] Saya juga telah mempertimbangkan pembelaan alibi OKT. Kejadian berlaku pada 14 April 2016. Peguambela melalui surat yang bertarikh 15 Mac 2019 telah menghantar notis alibi di bawah s 402A Kanun Tatacara Jenayah kepada pengarah pendakwaan negeri yang mana telah diterima oleh timbalan pendakwa raya Allahyarham Encik Amir Hamzah pada 18 Mac 2019. Perenggan (3) dan (4) surat tersebut mencatitkan:

> (3) Pada 14 April 2016 anakguam kami telah bertolak dari rumah beliau yang beralamat di nombor 31 Jalan RP 1019 Taman Rawang Perdana 2, Rawang pada pukul 3.55 pagi dan telah berada di Restoran Ali yang beralamat di No 33, Jalan Indah 111 Taman Indah Sri Indah, 48000 Rawang, Selangor sehingga 5 pagi untuk bersarapan pagi sebelum anak guam kami bertolak ke tempat kerja beliau di Bintang Bulk Mover Sdn Bhd yang beralamat di Taman Industri Integrasi Rawang, 48000 Rawang Selangor.
>
> (4) Anak guam kami telah kemudiannya mengambil lori tanker no pendaftaran BMU 5304 dari tempat kerja untuk ke Port Dickson. Anak guam kami tidak berada di tempat kejadian seperti yang dituduh.

[108] OKT dalam pembelaannya menyatakan beliau telah keluar dari rumahnya pada jam 3.55 pagi dan semasa itu beliau mendapati Kamaljit dan Isyhlyn sedang tidur di bilik nombor dua tingkat atas. Dalam perjalanan ke

tempat kerja, beliau telah singgah di Restoran Ali yang beralamat 33, Jalan Indah 1/1 Taman Indah Sri Indah, 48000 Rawang, Selangor. OKT menyatakan beliau berada di kedai tersebut sehingga jam 5.10 pagi.

[109] SD3 semasa pemeriksaan balas tidak bersetuju dengan cadangan timbalan pendakwa raya bahawa kawasan berdekatan dengan tempat kerja OKT bekerja tidak adanya restoran bernama Restoran Ali. SD3 mengesahkan wujudnya Restoran Ali berdekatan dengan tempat kerja OKT.

[110] Pegawai siasatan gantian SP16 menyatakan beliau telah pergi ke alamat No 33, Jalan Indah 1/1 Taman Indah Sri Indah, 48000 Rawang, Selangor pada 10 Disember 2019 dan mendapati Restoran Ali tidak wujud di alamat tersebut. SP16 mendapati alamat tersebut adalah rumah kedai dua tingkat dan bukannya sebuah restoran.

[111] Walaupun pihak pendakwaan tidak memanggil pemilik Restoran Ali atau mengemukakan dokumen untuk mengesahkan di alamat No 33, Jalan Indah 1/1 Taman Indah Sri Indah, 48000 Rawang, Selangor tersebut terdapat sebuah rumah kedai dua tingkat, mahkamah menolak pembelaan alibi OKT kerana di akhir kes pihak pendakwaan, mahkamah telah membuat dapatan fakta bahawa berpuas hati OKT keluar rumah untuk pergi ke tempat kerja selepas jam 4.30 pagi 14 April 2016 di mana SP9 dalam keterangan menyatakan apabila beliau sampai di rumahnya pada jam 4.30 pagi, SP9 masih mendapati kereta OKT masih berada di perkarangan luar rumahnya. Keterangan SP9 itu jelas menunjukkan pada jam 4.30 pagi OKT masih belum bertolak daripada rumahnya untuk ke tempat kerja. Atas alasan ini saya menolak keterangan OKT bahawa dia bertolak ke tempat kerja pada jam 3.55 pagi.

[112] Berasaskan alasan-alasan di atas, saya menolak pembelaan OKT bahawa telah Kamaljit dan Isyhlyn telah dibunuh semasa rompakan selepas OKT keluar dari rumah untuk pergi ke tempat kerja dan sedang bersarapan pagi di Restoran Ali.

[113] Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa notis alibi perlu ditimbang bersama-sama dengan kes pendakwaan. Kedudukan ini dijelaskan oleh keputusan sebulat suara Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692, di mana Richard Malanjum HBSS (sebagaimana mantan KHN pada masa itu), memutuskan seperti berikut:

> [92] Now, the following legal principles on the defence of alibi are relevant in the present namely:

(a) the defense of alibi must preclude the possibility that the accused could have been physically present at the place of the crime or its vicinity at or about the time of its commission' (see *Youssef v R* (1990) 50 A Crim R 1 at pp 2[96]3);

(b) the correct 'approach to be adopted in regard to an alibi defence, [85] is to consider the alibi in the light of the totality of the evidence and the court's impression of the witnesses. If there are identifying witnesses, the court should be satisfied not only that they are honest, but also that their identification of the accused is reliable. The ultimate test, and there is only one test in a criminal case, is whether the evidence establishes the guilt of the accused beyond reasonable doubt' (see *Leve v S (CA&R 163/12)* [2013] ZAECGHC 5 (31 January 2013) (South Africa).

(c) as such 'it would be wrong to reason that if the evidence of the state witnesses, considered in isolation, is credible the alibi must therefore be rejected. The correct approach is to consider the alibi in the light of all the evidence in the case and the court's impressions of the witnesses and from that totality to decide whether the alibi might reasonably be true' (see *R v Hlongwane* [1959] (3) SA 337);

(d) (O)nce the trial court accepted that the alibi evidence could not be rejected as false, it was not entitled to reject it on the basis that the prosecution had placed before it strong evidence linking the appellant to the offences. The acceptance of the prosecution's evidence could not, by itself alone, be a sufficient basis for rejecting the alibi evidence. Something more was required. The evidence must have been, when considered in its totality, of the nature that proved the alibi evidence to be false' (see *S v Liebenberg* [2005] (2) SACR 355 (SCA));

(e) (I)t is trite that once an accused person pleads an alibi he does not assume the burden to prove it is true. The onus is on the prosecution to prove by evidence the alibi is false and to place the accused squarely at the scene of crime' (see *Mutachi Stephen v Uganda*). The evidence of his alibi need only raise a reasonable doubt that he committed the crime (see *R v Lizotte* [1950] CanLll 48 (SCC); [1951] SCR 115); and

(f) the alibi of an accused does not have to be corroborated by independent evidence in order to raise a defence (see *R v Letourneau* [1994] BCJ No 265 (QL)(CA), 61).

[114] Siasatan yang dijalankan oleh SP16 jelas menunjukkan Restoran Ali yang dinyatakan oleh OKT dan SD3 tidak wujud sama sekali. Premis yang dinyatakan di dalam notis alibi OKT ternyata sebuah rumah kedai dan bukan restoran mamak seperti yang didakwa oleh OKT dan SD3. Selanjutnya, OKT gagal menamakan saksi-saksi dengan memberi butiran yang jelas di dalam notis alibinya bagi membolehkan SP16 membuat siasatan pembelaan OKT. Keterangan SP11 jelas menunjukkan OKT sepanjang dua hingga tiga tahun OKT bekerja di syarikatnya tidak pernah OKT datang kerja sebelum pukul 8 pagi. Kerana itu saya menolak keterangan OKT bahawa dia tidak berada di

rumah ketika Kamaljit dan Isyhlyn menemui ajal mereka. OKT telah gagal menunjukkan kebarangkalian besar dia berada di restoran yang dinyatakan itu ketika Kamaljit dan Isyhlyn dibunuh. Adalah menjadi dapatan saya bahawa kandungan notis alibi OKT sekadar lencongan kosong yang tidak berasas dan tidak berupaya membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

[115] Mahkamah mendapati pembelaan OKT adalah bersifat penafian semata-mata dimana pembelaan ini telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah. Mahkamah juga berpuas hati bahawa di akhir kes perbicaraan, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesalahan OKT sebagaimana pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar